EDISI 1 / JANUARI 2023

# BULETIN

## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN




ARTIKEL UTAMA

### " MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN KALI KE- 45 (BIL.1/2023) "

Mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Tioman ini telah diadakan pada 17 Januari 2023 bertempat di Bilik Gerakan Negeri ,Tingkat 7, Blok B, Wisma Sri Pahang, Kuantan.



# SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU




**Happy New Year**

**2023**

# BENGKEL PENYELARASAN DAN PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PAHANG DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

**3 Januari 2023 , SELASA**

Bengkel ini telah di hadiri oleh anggota Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Lembaga Pembangunan Tioman di Bayview Hotel Georgetown , Penang yang dianjurkan oleh Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Majlis Bandaraya kuantan yang berlangsung selama 3 hari.





Objektif bengkel ini bertujuan bagi memastikan garis panduan yang telah dibuat sebelum ini yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang termasuk Lembaga Pembangunan Tioman adalah seragam. Selain itu, bengkel ini bertujuan memastikan segala teguran yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara semasa pengauditan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan sebelum ini dapat dibuat penambahbaikan pada masa akan datang.





# LAWATAN TAPAK BAGI PENYELARASAN CADANGAN PEMBANGUNAN TANAH DI PESISIR PANTAI KG TEKEK, PULAU TIOMAN , DAERAH ROMPIN, PAHANG DARUL MAKMUR

10 Januari 2023 , SELASA



Pada 10 hingga 12hb Januari 2023 telah dijalankan satu lawatan tapak bagi penyelarasan cadangan pembangunan tanah di persisir pantai Kg. Tekek, Pulau Tioman, Daerah Rompin, Pahang. Lawatan tapak ini telah dihadiri oleh wakil daripada 12 agensi antaranya adalah Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, SUK Pahang, PLANMalaysia@Pahang, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pahang dan lain-lain .





Antara perkara yg dibincangkan dalam lawatan tapak ini adalah cadangan tapak - tapak seperti pemindahan gerai sediada, pendaratan kargo dan penyimpanan stockpile, pembinaan balai bomba baru dan cadangan stesen minyak. Selain itu turut dibincangkan berkenaan cadangan menaiktaraf lapangan terbang sedia ada di Kg. Tekek, Pulau Tioman dan cadangan offshore floating solar oleh Pihak TNB.



# KURSUS PENGENALAN MENYELAMAT DI AIR ANJURAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN DAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA

12 Januari 2023 , KHAMIS



Kursus Pengenalan Menyelamat Di Air Anjuran Lembaga Pembangunan Tioman dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia telah berlangsung di Pusat Taman Laut, Kg Tekek, Pulau Tioman. Tujuan kursus ini dianjurkan adalah bagi memberi pendedahan dan ilmu menyelamat di air ketika kecemasan atau berlakunya kemalangan di air.Sejumlah 28 orang peserta yang menyertai kursus tersebut yang terdiri dari kalangan pemandu Bot,Kelasi bot, Penjawat awam dan lain-lain.











# LAWATAN TAPAK - PENENTUAN SEMPADAN KAWASAN RAFFLESIA DAN CHAMELEON, PULAU TIOMAN

12 Januari 2023 , KHAMIS



Pada 12 Januari 2023, telah diadakan satu Lawatan Tapak bagi penentuan sempadan kawasan Rafflesia dan Chameleon di antara Jalan Tekek- Juara untuk tujuan pemuliharaan. Lawatan ini melibatkan 5 orang wakil dari Lembaga Pembangunan Tioman dan Pejabat Daerah dan Tanah, Rompin.

Selain itu, lawatan ini turut disertai En. Razelan bin Mat Shah yang merupakan salah seorang pengkaji Rafflesia dan Chameleon yang menetap di Kg. Juara, Pulau Tioman. Beliau juga seseorang yang berpengalaman luas dan berperanan sebagai pemandu arah untuk menjejaki lokasi - lokasi terdapatnya raflesia dan chameleon ini.











# MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN KALI KE -45 (BIL.1/2023)

**17 Januari 2023 , SELASA**



Mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Tioman kali ke-45 (Bil.1/2023) telah pun diadakan bertempat di Bilik Gerakan Negeri , Tingkat 7,Blok B,Wisma Sri Pahang, Kuantan. Mesyuarat tersebut di Pengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Y.A.B Dato' Sri Wan Rosdy Bin Wan Ismail SSAP., SUMV., DSAP., DIMP., SMP., AMP. Pengurusan Lembaga Pembangunan Tioman yang turut serta adalah YH Dato' Haji Idros Bin Yahya, Pengurus Besar Lembaga selaku Setiausaha dan Puan Norzaihan Binti Othman, Encik Izuddin Iskandar Bin Mohamad Sharif, Puan Nazratul Azra Binti Tukirin dan Puan Norhawalaina Binti Mohd Arif. Ahli Lembaga Pengarah yang hadir pada kali ini adalah YBhg. Datuk Zamri Bin Mat Zin,Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan), Kementerian Pelancongan ,Kesenian dan Budaya Malaysia(MOTAC), Encik Mohd Azlan Bin Zakaria,Ketua Seksyen Dasar-Dasar Penyelidikan Pejabat Belanjawan negara, Kementerian Kewangan Malaysia, YH Dato' Sri Maznah Binti Mazlan , YH Dato' Haji Md. Rusli Bin Ismail ,YBhg. Datin Hajah Shamsiah Binti Haji Arshad, YH Dato' Haji Wan Abdullah Bin Wan Salleh beserta dengan YH Dato' Sri Haji Mohd Johari Bin Hussain.Turut juga dihadiri Pegawai Daerah Rompin, Dato' Ahmad Nasim Bin Dato' Haji Mohd Sidek

Mesyuarat ini telah membincangkan pelbagai langkah Lembaga Pembangunan Tioman dalam usaha untuk membangunkan Pulau Tioman dalam pelbagai aspek meliputi projek-projek pembangunan infrastruktur, utiliti, fizikal, disamping perancangan dan kawalan pembangunan tempatan, pelaksanaan aktiviti-aktiviti pelancongan dan Pembangunan masyarakat. Selain itu , penekanan turut diberikan terhadap perancangan dalam aspek kewangan dan peningkatan hasil agar lebih maju dan berjaya di masa akan datang. Di samping itu, turut dibincangkan ialah menambah baik aset-aset pengurusan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk dan pelancong di samping menjamin keselesaan menjadi tarikan para pelancong yang datang berkunjung ke Pulau Tioman.



# TIOMAN SURFING FESTIVAL 2023

20-22 Januari 2023 , JUMAAT hingga AHAD















Acara pada tahun ini merupakan kali ke 10 diadakan di Pulau Tioman. Acara ini disertai oleh 65 orang Peserta dari 6 Negara iaitu Malaysia seramai 57 peserta , Singapore seramai 4 orang peserta dan 4 buah negara lain iaitu Indonesia, Perancis , Korea Selatan dan Moroco yang masing-masing disertai oleh seorang peserta.Acara ini mempertandingkan 6 kategori iaitu Mens Open, Women Open, Master, Bodyboard, Longboard dan Grommet ( kanak-kanak 16 Tahun ke bawah). Turut diadakan adalah acara sampingan iaitu pertandingan PS5 FIFA serta gerai-gerai jualan seperti pakaian, makanan serta Perkhidmatan gunting rambut.

# BENGKEL PENGEMASKINIAN MYPORTFOLIO HRMIS DI BILIK MESYUARAT LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN, TELUK GADING

26 Januari 2023 , KHAMIS

Bengkel MyPortfolio HRMIS ini dikendalikan oleh Pentadbir sistem HRMIS Lembaga Iaitu YM Tengku Hasma Seri Dewi Binti Tengku Hussin dan dibantu oleh Pembantu Tadbir (HRMIS) Puan Nor Izwa Aida Binti M.Said.Bengkel di hadiri oleh semua anggota perkhidmatan tetap Lembaga di Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Perancangan dan Pembangunan Projek seramai 11 orang, Diurusetiakan oleh Pembantu Tadbir (Latihan) Puan Norafiqah Bt Yaakob.













Bengkel MyPortfolio HRMIS ini diadakan bagi memenuhi KPI HRMIS tahun 2022 di mana semua agensi di Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dikehendaki melengkapkan MyPortfolio melalui HRMIS masing - masing selewat-lewatnya 31 januari 2023.

# KEJADIAN POKOK TUMBANG DI JALAN KG TEKEK - KG JUARA

28 Januari 2023 , SABTU



anggota yang terlibat sedang memotong bahagian pokok yang menghalangi jalan beserta membersihkan laluan jalan tersebut

Pada 7.30 Malam,Sebatang Pokok telah tumbang akibat dari angin kuat beserta hujan lebat dan menghalang laluan kenderaan di Jalan Kg Tekek - Kg Juara , Pulau Tioman.Bertindak dengan maklumat laporan tersebut, seramai 12 orang anggota dari Lembaga Pembangunan Tioman telah hadir ke lokasi kejadian menaiki 2 buah kenderaan pacuan 4 roda dan telah pun melaksanakan kerja-kerja memotong pokok yang telah menghalang laluan serta membersihkan kawasan sekitar lokasi.Kerja - kerja pembersihan ini telah pun berakhir pada hari yang sama.











# KEJADIAN POKOK TUMBANG DI JALAN KG TEKEK - KG JUARA

**29 Januari 2023 , SABTU**

Pada 8.30 Malam,Sebatang Pokok telah tumbang akibat dari angin kuat beserta hujan lebat dan menghalang laluan kenderaan di Jalan Kg Tekek - Kg Juara , Pulau Tioman.Bertindak dengan maklumat laporan tersebut, seramai 12 orang anggota dari Lembaga Pembangunan Tioman bersama 3 orang anggota Alam Flora dan 6 orang anggota TNB telah hadir ke lokasi kejadian menaiki 4 buah kenderaan pacuan 4 roda dan telah pun melaksanakan kerja-kerja memotong pokok yang telah menghalang laluan serta membersihkan kawasan sekitar lokasi.Kerja - kerja pembersihan ini telah pun berakhir pada hari yang sama.



anggota yang terlibat sedang memotong bahagian pokok yang menghalangi jalan beserta membersihkan laluan jalan tersebut











# PEMASANGAN PAPAN TANDA UTAMA DI SETIAP KAMPUNG DI PULAU TIOMAN

Nama Projek : Kerja-kerja Membekal Dan Memasang Papan Tanda Utama Untuk Kampung-Kampung Di Pulau Tioman, Rompin, Pahang Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan

Kos Projek : RM 171,050.00

Peruntukan : Pengukuhan Pulau Tioman (PPT)





















# IKON PELANCONGAN YANG BERADA DI PULAU TIOMAN

Nama Projek : Projek Membina Ikon Pelancongan Di Kawasan Dataran Tioman,Kampung Tekek, Pulau Tioman

Kos Projek : RM 485,800.00

Peruntukan : Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
















PEMBAHARUAN
LESEN BAGI TAHUN
2023
Tioman
لمباݢ ڤمباڠونن تيومن
نوتيس معلومن
NOTIS
MAKLUMAN
KEPADA SEMUA PELESEN DALAM KAWASAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
tioman.gov.my
Glory Tioman
glory.tioman
PEMBAHARUAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN
PEMBAHARUAN LESEN PENJAJA (STATIK / BERGERAK)
SEMUA PEMILIK-PEMILIK LESEN PERNIAGAAN DIKEHENDAKI MEMBAWA DOKUMEN SEBAGAIMANA BERIKUT :
SALINAN SSM TERKINI
SALINAN LESEN PERNIAGAAN TAHUN 2022
SALINAN KAD PENGENDALI MAKANAN PEKERJA (BAGI PREMIS MAKANAN)
LAPORAN PEMBAYARAN FI KELESTARIAN KE PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN (BAGI PREMIS PENGINAPAN)
SYARAT-SYARAT PEMBAHARUAN LESEN ADALAH TERTAKLUK DI BAWAH PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG SEMASA PERMOHONAN DILULUSKAN DAN SEBARANG TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN AM PERLU DIJELASKAN SEBELUM PEMBAHARUAN DIBUAT.
TEMPOH PEMBAHARUAN :
3 JANUARI 2023 (SELASA) HINGGA 31 MAC 2023 (JUMAAT)

EDISI 2 / FEBRUARI 2023

# BULETIN

## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN



### RAFFLESIA TIOMANENSIS

Bunga Rafflesia Tiomanensis pertama kali dijumpai oleh Encik Razelan Mohd Shah .Menurutnya, Selepas menjalani satu pemeriksaan yang teliti kepada penemuan ini, Didapati bahawa bunga tersebut mempunyai gabungan ciri unik yang tidak sepadan dengan mana-mana spesies yang diketahui.Perbezaan Rafflesia tiomanensis dengan rafflesia lain dicirikan oleh ketuat diskret kecil pada lobus perigone, ketiadaan ketuat pada permukaan atas diafragma, kekurangan proses pada cakera, ketiadaan rim cakera, dan bentuk tidak teratur yang bukaan aperturnya berbeza-beza. lobed.



# BUNGA RAFFLESIA TIOMAN

www.tioman.gov.my








## BUNGA RAFFLESIA TIOMAN

Pulau Tioman adalah pulau selatan di Pahang dan dikenali sebagai salah satu pulau tropika yang paling indah di dunia. Sebahagian besar Pulau Tioman masih dilindungi oleh hutan hujan tropika primer yang asli, termasuk titik tertinggi Gunung Kajang, yang terletak kira-kira 1038 m dari aras laut. Dalam konteks ekopelancongan di kawasan hutan Pulau Tioman, Bunga pakma atau Rafflesia adalah bunga ikonik, dan ramai pelancong datang untuk melihatnya dengan lebih dekat di pulau Tioman.Populasi Rafflesia di Pulau Tioman dikenal pasti sebagai Rafflesia cantleyi.

Rafflesia tiomanensis adalah unik kerana ia mempunyai cuping perianth yang berubah-ubah dari segi saiz dan bentuk **(spesies lain biasanya mempunyai lobus bulat atau suborbikular yang sama saiznya)** ketuat pada cuping perianthnya, yang mempunyai saiz yang sangat kecil hingga 1 cm dan berada di seluruh permukaan atas dalam bentuk corak yang berubah-ubah (kutil spesies lain adalah konsisten dalam saiz dan pengedaran corak); ketiadaan ketuat pada permukaan atas diafragma **(spesies lain menunjukkan ketuat pada permukaan atas diafragma)(spesies lain mempunyai lobus bulat atau tidak teratur)** rim cakera tidak hadir **(spesies lain sentiasa ada)**. Lain-lain spesis di sini merujuk kepada yang terdapat di Semenanjung Malaysia iaitu R. cantleyi, R. kerri, R. azlanii, R. su-meiae, R. sharifah-hapsahiae, R. parvimaculata and R. tuanku-halimii.

# BUNGA RAFFLESIA TIOMAN

www.tioman.gov.my




**RAFFLESIA TIOMANENSIS.**
**A. BUNGA MEKAR PENUH; B. PANDANGAN SISI BUNGA YANG MELEKAT PADA TUMBUHAN PERUMAH;**
**C-E. LOBUS PERIGONE (KELOPAK); F. PANDANGAN ATAS DIAFRAGMA; G. CAKERA.**

# BUNGA RAFFLESIA TIOMAN

www.tioman.gov.my




BAHAGIAN DALAM TIUB PERIGONE RAFFLESIA TIOMANENSIS.
H. PERMUKAAN DALAMAN DARI ATAS KE PANGKAL; I. PERMUKAAN BAWAH DIAFRAGMA; J. RAMENTA ATAS;
K. RAMENTA BAWAH; L. CAKERA DAN ANULUS; M. KEKURANGAN ATAU PROSES YANG SANGAT SINGKAT DENGAN TRIKOMA;
N. PERMUKAAN DI BAWAH CAKERA MENUNJUKKAN GELANG DEBUNGA

# BUNGA RAFFLESIA TIOMAN

www.tioman.gov.my




**BUNGA RAFFLESIA DARI PELBAGAI POPULASI.**
**(A-I). R. CANTLEYI DARI PULAU TIOMAN (J). R. CANTLEYI DARI PERAK.**
**(K). R. KERRI DARI KELANTAN.**

# KEJADIAN POKOK TUMBANG DI JALAN KG TEKEK - KG JUARA

www.tioman.gov.my

6 FERBUARI 2023/ISNIN









Lebih kurang jam 11.00 pagi, sebatang pokok telah tumbang dan menghalang laluan kenderaan. 6 buah kenderaan/kereta terkandas. Pada jam 11.00 pagi, Puan Nazratul Azra menerima panggilan telefon dari pemandu kenderaan berkenaan kejadian pokok tumbang.

Seramai 9 orang anggota Unit Tindakan Khas Lembaga Pembangunan Tioman bersama 5 orang anggota Bomba dan 5 orang anggota TNB telah datang ke lokasi menaiki 3 buah kenderaan pacuan 4 roda dan melaksanakan kerja-kerja memotong pokok yang menghalang laluan serta membersihkan kawasan sekitar lokasi. Kerja-kerja dilaksanakan menggunakan 3 buah chainsaw serta parang.

Kerja- kerja pembersihan telah dijalankan bermula jam 11.45 pagi sehingga jam 12.30 tengah hari. Laluan telah dapat digunakan seperti sediakala.

# KEJADIAN BANJIR KILAT DI KAMPUNG MUKUT

6 FERBUARI 2023/ISNIN

www.tioman.gov.my








Lebih kurang jam 10.30 pagi, banjir kilat telah berlaku di kampung mukut dan mengakibatkan 2 jambatan rosak, 4 sungai mengalami hakisan, 1 buah rumah banjir.Pihak Lembaga Pembangunan Tioman bersama Bomba Kg. Tekek Telah membuat lawatan.Jambatan Kebang Sg. Raya telah runtuh akibat daripada arus sungai laju serta membawa pokok-pokok yang tumbang dan menimpa jambatan tersebut. Jambatan tersebut tidak selamat digunakan tetapi masih digunakan oleh orang kampung kerana tiada jalan alternatif lain.Tiang Jambatan Kebang Sg. Kelopak telah runtuh, namun begitu hasil pemeriksaan jambatan tersebut masih boleh digunakan sementara waktu kerana di kampung mukut tiada kenderaan berat.



# GOTONG-ROYONG MENYEDIAKAN LALUAN SEMENTARA JAMBATAN KEBANG SUNGAI RAYA, KAMPUNG MUKUT

11 FEBRUARI 2023/SABTU

www.tioman.gov.my















Jam 7.30 pagi seramai 10 anggota Unit Tindakan Khas Lembaga Pembangunan Tioman menyediakan peralatan untuk melaksanakan kerja seperti Kayu, Chainsaw dan peralatan tukang dan pada Jam 8.00 pagi Unit Tindakan Khas bertolak menaiki sebuah Bot ke Kampung Mukut dan sampai di Kampung Mukut pada 8.45 pagi.

Jam 9.00 pagi gotong-royong menyediakan laluan sementara Jambatan Kebang Sungai Raya dimulakan dengan penglibatan penduduk Kampung Mukut bersama Lembaga Pembangunan Tioman. Gotong-royong dilaksanakan dengan dua kumpulan iaitu kumpulan membersihkan sungai dan kumpulan menyediakan laluan sementara di Jambatan Kebang Sungai Raya.

Jam 1.30 petang YB Dato' Sri Hj. Mohd Johari Bin Hj. Hussin melawat ke Kampung Mukut untuk melihat kesan banjir kilat yang telah menimpa Kampung Mukut. Beliau juga telah memberi bantuan kepada mangsa banjir dan memberi sumbangan kepada penduduk kampung yang terlibat dengan gotong-royong menyediakan laluan sementara Jambatan Kebang Sungai Raya. Beliau pulang Jam 2.30 Petang.

# KEHADIRAN 2 ORANG PELAJAR MENJALANI PRAKTIKAL DI LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

7 FEBRUARI 2023/SELASA

www.tioman.gov.my





Lembaga Pembangunan Tioman telah menerima kehadiran 2 orang pelajar dari Universiti Teknologi Mara Seremban 3 iaitu,Nur Hasmiera binti Amunnahar dan Nur Ain binti Roslan dalam jurusan Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) untuk menjalani Praktikal disini selama 3 bulan .Pihak Lembaga amat mengalukan kedatangan mereka untuk mempelajari bagaimana sistem dan pentadbiran Lembaga Pembangunan Tioman dan bagaimana Lembaga Pembangunan Tioman menjalani urusan sebagai pihak berkuasa tempatan bagi Pulau Tioman.









# PERSIAPAN BAGI PROGRAM LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH

www.tioman.gov.my

17 FEBRUARI 2023/JUMAAT













# LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023



19 FEBRUARI 2023/AHAD





Keberangkatan Tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Xvi Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah di Pulau Tioman bagi mengadakan lawatan dan ramah mesra dengan penduduk Pulau Tioman bersama-sama dengan Anakanda Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah dan juga YAB Menteri Besar Pahang Dato' Sri Wan Rosdy Bin Wan Ismail.











# LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023

www.tioman.gov.my

19 FEBRUARI 2023/AHAD









lawatan kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Xvi Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah ke Klinik Kesihatan Kampung Tekek, Pulau Tioman bagi merasmikan pusat bersalin alternatif Klinik Kesihatan Tekek, Pulau Tioman dan juga penyerahan sebuah kenderaan ambulan pacuan empat roda serta aset-aset perubatan dan bukan perubatan yang telah disumbangkan oleh Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) berjumlah RM2.93 juta.perolehan aset-aset ini telah diuruskan oleh Pengurusan Lembaga Pembangunan Tioman.









**LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023**

www.tioman.gov.my

19 FEBRUARI 2023/AHAD

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Xvi Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah berkenan menghadiri Majlis Bantuan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Pahang(MUIP) kepada golongan Asnaf di Masjid Tekek, Pulau Tioman, Rompin, Pahang Darul Makmur.Baginda juga berkenan bercemar duli untuk beramah mesra bersama dengan penduduk Pulau Tioman.
















# LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023

www.tioman.gov.my

19 FEBRUARI 2023/AHAD



JAMUAN RAKYAT BERSAMA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH BERJAYA HOTEL , PULAU TIOMAN, ROMPIN, PAHANG DARUL MAKMUR ANJURAN DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN. MAJLIS DIHADIRI MASYARAKAT DI PULAU TIOMAN SERTA MELIBATKAN JUGA AGENSI-AGENSI KERAJAAN.













# LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023

www.tioman.gov.my

19 FEBRUARI 2023/AHAD





kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Xvi Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah berkenan becemar duli bagi melawat ke Kg Air Batang & Kg Tekek bagi melihat infrastruktur di Pulau Tioman bersamaan melihat keindahan Pulau Tioman melalui jalan yang dibina yang bersambung di antara Kg Air Batang & Kg Tekek menaiki Motorsikal.Bersamaan itu juga YDPA juga beramah mesra bersama penduduk kampung dan juga pelancong.











# LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023

www.tioman.gov.my

20 FEBRUARI 2023/ISNIN





Lawatan kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Xvi Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah ke Jeti Kg Tekek, Pulau Tioman, Rompin, Pahang Darul Makmur bersama-sama Menteri Besar Pahang Dato' Sri Wan Rosdy Bin Wan Ismail beserta Jabatan Kerja Raya dan Pengurus Lembaga Pembangunan Tioman Dato' Idros Bin yahya bagi melihat Projek pembangunan semula Jeti Kg Tekek dan Jabatan Laut sebagai agensi pelaksana.











# LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023

www.tioman.gov.my

20 FEBRUARI 2023/ISNIN



kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Xvi Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah berkenan menaiki bot Jabatan Laut untuk melawat ke Kg Salang, Pulau Tioman bagi menghadiri jamuan penduduk kampung dan Beramah mesra bersama penduduk.Turut menaiki Bot adalah Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah bersama Menteri Besar Pahang Dato' Sri Wan Rosdy Bin Wan Ismail.













# LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023

www.tioman.gov.my

20 FEBRUARI 2023/ISNIN







Lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Xvi Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah Ke Kg Salang , Pulau Tioman, Menjamu selera dan beramah mesra bersama penduduk Kampung Salang.baginda turut melawat Jeti Kg Salang yang sedang dinaiktaraf.Sumber peruntukan bagi kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur untuk Jeti Kg Salang diberikan dari ECERDC(East Coast Economic Region) dan kos bagi projek ini berjumlah RM3,700,000.00.kontraktor yang diberi tanggungjawab ialah NAHUZA RESOURCE SDN BHD.projek ini bermula dari 1.2.2022 dan dijangka siap pada 30.10.2023.







# LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023

www.tioman.gov.my

20 FEBRUARI 2023/ISNIN

## KEBERANGKATAN PULANG KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH










# GAMBAR SEKITAR LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN

www.tioman.gov.my

20 FEBRUARI 2023/ISNIN















# LAWATAN JABATAN BOMBA BERSAMA PENGURUS BESAR TDA KE TAPAK BAGI PEMBINAAN BALAI BOMBA DI PULAU TIOMAN

www.tioman.gov.my

20 FEBRUARI 2023/ISNIN



Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman, Dato' Idros Bin Yahya bersama Jabatan Bomba telah membuat satu lawatan tapak bagi membina Balai Bomba di Pulau TiomanIni bertujuan untuk meningkatkan kemudahan di Pulau Tioman bagi memudahkan urusan Pelancong dan masyarakat sekitar untuk berurusan dengan perkhidmatan agensi-agensi kerajaan dan memantapkan lagi pembangunan di Pulau Tioman.





# LAWATAN AHLI LEMBAGA PENGARAH TDA YH. DATO' SRI HAJI WAN ABDULLAH BIN HAJI WAN SALLEH BERSAMA ISTERI DATIN SRI ROKIAH BT YEOP KE PRODUK PELANCONGAN DI PULAU TIOMAN

www.tioman.gov.my

21 FEBRUARI 2023/SELASA



PADA 21 FEBRUARI 2023,Ahli Lembaga Pengarah TDA YH. Dato' Sri Haji Wan Abdullah Bin Haji Wan Salleh Bersama Isteri Datin Sri Rokiah Bt Yeop ditemani juga Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman, Dato' Idros Bin Yahya telah membuat satu lawatan ke Produk pelancongan di Pulau Tioman.Antara Tempat yang dilawati ialah CHAMELEON VILLAGE,KAMPUNG JUARA, Melihat RAFFLESIA TIOMAN, ICON PELANCONGAN TIOMAN serta Pelbagai lagi produk pelancongan di Pulau Tioman.









# LAWATAN AHLI LEMBAGA PENGARAH TDA YH. DATO' SRI HAJI WAN ABDULLAH BIN HAJI WAN SALLEH BERSAMA ISTERI DATIN SRI ROKIAH BT YEOP KE PRODUK PELANCONGAN DI PULAU TIOMAN

21 FEBRUARI 2023/SELASA

www.tioman.gov.my















# PELAKSANAAN PEMBINAAN MEREKABENTUK, MEMBEKAL SERTA MENTAULIAH SEBUAH BOT BAGI LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN.

www.tioman.gov.my



LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN BAKAL MENERIMA SEBUAH BOT BAHARU YANG YANG LEBIH MODERN BAGI MEMUDAHKAN KERJA - KERJA YANG BERKAITAN DENGAN LAUT.PROSES PEMBUATAN BOT INI TELAH MENELAN BELANJA SEBESAR RM946,000.00..BOT INI TELAH PUN MENCAPAI 90% SIAP DAN BAKAL DIGUNAKAN OLEH LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN PADA TAHUN INI.SYARIKAT AZ MARINE YANG TERLETAK DI MUAR JOHOR TELAH DIBERI KEPERCAYAAN OLEH LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN BAGI MENYIAPKAN BOT TERSEBUT







# BULETIN

## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN



### RAFFLESIA TIOMANENSIS

Bunga Rafflesia Tiomanensis  pertama kali dijumpai oleh Encik Razelan Mohd Shah .Menurutnya, Selepas menjalani satu pemeriksaan yang teliti kepada penemuan ini, Didapati bahawa bunga tersebut mempunyai gabungan ciri unik yang tidak sepadan dengan mana-mana spesies yang diketahui.Perbezaan Rafflesia tiomanensis dengan rafflesia lain dicirikan oleh ketuat diskret kecil pada lobus perigone, ketiadaan ketuat pada permukaan atas diafragma, kekurangan proses pada cakera, ketiadaan rim cakera, dan bentuk tidak teratur yang bukaan aperturnya berbeza-beza. lobed.



# BUNGA RAFFLESIA TIOMAN

www.tioman.gov.my








## BUNGA RAFFLESIA TIOMAN

Pulau Tioman adalah pulau selatan di Pahang dan dikenali sebagai salah satu pulau tropika yang paling indah di dunia. Sebahagian besar Pulau Tioman masih dilindungi oleh hutan hujan tropika primer yang asli, termasuk titik tertinggi Gunung Kajang, yang terletak kira-kira 1038 m dari aras laut. Dalam konteks ekopelancongan di kawasan hutan Pulau Tioman, Bunga pakma atau Rafflesia adalah bunga ikonik, dan ramai pelancong datang untuk melihatnya dengan lebih dekat di pulau Tioman.Populasi Rafflesia di Pulau Tioman dikenal pasti sebagai Rafflesia cantleyi.

Rafflesia tiomanensis adalah unik kerana ia mempunyai cuping perianth yang berubah-ubah dari segi saiz dan bentuk **(spesies lain biasanya mempunyai lobus bulat atau suborbikular yang sama saiznya)** ketuat pada cuping perianthnya, yang mempunyai saiz yang sangat kecil hingga 1 cm dan berada di seluruh permukaan atas dalam bentuk corak yang berubah-ubah (kutil spesies lain adalah konsisten dalam saiz dan pengedaran corak); ketiadaan ketuat pada permukaan atas diafragma (**spesies lain menunjukkan ketuat pada permukaan atas diafragma)(spesies lain mempunyai lobus bulat atau tidak teratur)** rim cakera tidak hadir **(spesies lain sentiasa ada)**. Lain-lain spesis di sini merujuk kepada yang terdapat di Semenanjung Malaysia iaitu R. cantleyi, R. kerri, R. azlanii, R. su-meiae, R. sharifah-hapsahiae, R. parvimaculata and R. tuanku-halimii.

# BUNGA RAFFLESIA TIOMAN

www.tioman.gov.my




**RAFFLESIA TIOMANENSIS.**
**A. BUNGA MEKAR PENUH; B. PANDANGAN SISI BUNGA YANG MELEKAT PADA TUMBUHAN PERUMAH;**
**C-E. LOBUS PERIGONE (KELOPAK); F. PANDANGAN ATAS DIAFRAGMA; G. CAKERA.**

# BUNGA RAFFLESIA TIOMAN

www.tioman.gov.my




BAHAGIAN DALAM TIUB PERIGONE RAFFLESIA TIOMANENSIS.
H. PERMUKAAN DALAMAN DARI ATAS KE PANGKAL; I. PERMUKAAN BAWAH DIAFRAGMA; J. RAMENTA ATAS;
K. RAMENTA BAWAH; L. CAKERA DAN ANULUS; M. KEKURANGAN ATAU PROSES YANG SANGAT SINGKAT DENGAN TRIKOMA;
N. PERMUKAAN DI BAWAH CAKERA MENUNJUKKAN GELANG DEBUNGA

# BUNGA RAFFLESIA TIOMAN

www.tioman.gov.my




BUNGA RAFFLESIA DARI PELBAGAI POPULASI.
(A-I). R. CANTLEYI DARI PULAU TIOMAN (J). R. CANTLEYI DARI PERAK.
(K). R. KERRI DARI KELANTAN.

# KEJADIAN POKOK TUMBANG DI JALAN KG TEKEK - KG JUARA

6 FERBUARI 2023/ISNIN

www.tioman.gov.my









Lebih kurang jam 11.00 pagi, sebatang pokok telah tumbang dan menghalang laluan kenderaan. 6 buah kenderaan/kereta terkandas. Pada jam 11.00 pagi, Puan Nazratul Azra menerima panggilan telefon dari pemandu kenderaan berkenaan kejadian pokok tumbang.

Seramai 9 orang anggota Unit Tindakan Khas Lembaga Pembangunan Tioman bersama 5 orang anggota Bomba dan 5 orang anggota TNB telah datang ke lokasi menaiki 3 buah kenderaan pacuan 4 roda dan melaksanakan kerja-kerja memotong pokok yang menghalang laluan serta membersihkan kawasan sekitar lokasi. Kerja-kerja dilaksanakan menggunakan 3 buah chainsaw serta parang.

Kerja- kerja pembersihan telah dijalankan bermula jam 11.45 pagi sehingga jam 12.30 tengah hari. Laluan telah dapat digunakan seperti sediakala.

# KEJADIAN BANJIR KILAT DI KAMPUNG MUKUT

www.tioman.gov.my

6 FERBUARI 2023/ISNIN








Lebih kurang jam 10.30 pagi, banjir kilat telah berlaku di kampung mukut dan mengakibatkan 2 jambatan rosak, 4 sungai mengalami hakisan, 1 buah rumah banjir.Pihak Lembaga Pembangunan Tioman bersama Bomba Kg. Tekek Telah membuat lawatan.Jambatan Kebang Sg. Raya telah runtuh akibat daripada arus sungai laju serta membawa pokok-pokok yang tumbang dan menimpa jambatan tersebut. Jambatan tersebut tidak selamat digunakan tetapi masih digunakan oleh orang kampung kerana tiada jalan alternatif lain.Tiang Jambatan Kebang Sg. Kelopak telah runtuh, namun begitu hasil pemeriksaan jambatan tersebut masih boleh digunakan sementara waktu kerana di kampung mukut tiada kenderaan berat.



# GOTONG-ROYONG MENYEDIAKAN LALUAN SEMENTARA JAMBATAN KEBANG SUNGAI RAYA, KAMPUNG MUKUT

11 FEBRUARI 2023/SABTU

www.tioman.gov.my









Jam 7.30 pagi seramai 10 anggota Unit Tindakan Khas Lembaga Pembangunan Tioman menyediakan peralatan untuk melaksanakan kerja seperti Kayu, Chainsaw dan peralatan tukang dan pada Jam 8.00 pagi Unit Tindakan Khas bertolak menaiki sebuah Bot ke Kampung Mukut dan sampai di Kampung Mukut pada 8.45 pagi.

Jam 9.00 pagi gotong-royong menyediakan laluan sementara Jambatan Kebang Sungai Raya dimulakan dengan penglibatan penduduk Kampung Mukut bersama Lembaga Pembangunan Tioman. Gotong-royong dilaksanakan dengan dua kumpulan iaitu kumpulan membersihkan sungai dan kumpulan menyediakan laluan sementara di Jambatan Kebang Sungai Raya.

Jam 1.30 petang YB Dato' Sri Hj. Mohd Johari Bin Hj. Hussin melawat ke Kampung Mukut untuk melihat kesan banjir kilat yang telah menimpa Kampung Mukut. Beliau juga telah memberi bantuan kepada mangsa banjir dan memberi sumbangan kepada penduduk kampung yang terlibat dengan gotong-royong menyediakan laluan sementara Jambatan Kebang Sungai Raya. Beliau pulang Jam 2.30 Petang.

# KEHADIRAN 2 ORANG PELAJAR MENJALANI PRAKTIKAL DI LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

7 FEBRUARI 2023/SELASA

www.tioman.gov.my





Lembaga Pembangunan Tioman telah menerima kehadiran 2 orang pelajar dari Universiti Teknologi Mara Seremban 3 iaitu,Nur Hasmiera binti Amunnahar dan Nur Ain binti Roslan dalam jurusan Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) untuk menjalani Praktikal disini selama 3 bulan .Pihak Lembaga amat mengalukan kedatangan mereka untuk mempelajari bagaimana sistem dan pentadbiran Lembaga Pembangunan Tioman dan bagaimana Lembaga Pembangunan Tioman menjalani urusan sebagai pihak berkuasa tempatan bagi Pulau Tioman.









# PERSIAPAN BAGI PROGRAM LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH

www.tioman.gov.my

17 FEBRUARI 2023/JUMAAT



# LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023

www.tioman.gov.my

19 FEBRUARI 2023/AHAD





Keberangkatan Tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Xvi Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah di Pulau Tioman bagi mengadakan lawatan dan ramah mesra dengan penduduk Pulau Tioman bersama-sama dengan Anakanda Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah dan juga YAB Menteri Besar Pahang Dato' Sri Wan Rosdy Bin Wan Ismail.











# LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023

www.tioman.gov.my

19 FEBRUARI 2023/AHAD







lawatan kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Xvi Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah ke Klinik Kesihatan Kampung Tekek, Pulau Tioman bagi merasmikan pusat bersalin alternatif Klinik Kesihatan Tekek, Pulau Tioman dan juga penyerahan sebuah kenderaan ambulan pacuan empat roda serta aset-aset perubatan dan bukan perubatan yang telah disumbangkan oleh Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) berjumlah RM2.93 juta.perolehan aset-aset ini telah diuruskan oleh Pengurusan Lembaga Pembangunan Tioman.











## LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023



19 FEBRUARI 2023/AHAD

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Xvi Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah berkenan menghadiri Majlis Bantuan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Pahang(MUIP) kepada golongan Asnaf di Masjid Tekek, Pulau Tioman, Rompin, Pahang Darul Makmur.Baginda juga berkenan bercemar duli untuk beramah mesra bersama dengan penduduk Pulau Tioman.
















# LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023

www.tioman.gov.my

19 FEBRUARI 2023/AHAD



JAMUAN RAKYAT BERSAMA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH BERJAYA HOTEL , PULAU TIOMAN, ROMPIN, PAHANG DARUL MAKMUR ANJURAN DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN. MAJLIS DIHADIRI MASYARAKAT DI PULAU TIOMAN SERTA MELIBATKAN JUGA AGENSI-AGENSI KERAJAAN.













# LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023

www.tioman.gov.my

19 FEBRUARI 2023/AHAD





kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Xvi Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah berkenan becemar duli bagi melawat ke Kg Air Batang & Kg Tekek bagi melihat infrastruktur di Pulau Tioman bersamaan melihat keindahan Pulau Tioman melalui jalan yang dibina yang bersambung di antara Kg Air Batang & Kg Tekek menaiki Motorsikal.Bersamaan itu juga YDPA juga beramah mesra bersama penduduk kampung dan juga pelancong.











# LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023

www.tioman.gov.my

20 FEBRUARI 2023/ISNIN





Lawatan kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Xvi Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah ke Jeti Kg Tekek, Pulau Tioman, Rompin, Pahang Darul Makmur bersama-sama Menteri Besar Pahang Dato' Sri Wan Rosdy Bin Wan Ismail beserta Jabatan Kerja Raya dan Pengurus Lembaga Pembangunan Tioman Dato' Idros Bin yahya bagi melihat Projek pembangunan semula Jeti Kg Tekek dan Jabatan Laut sebagai agensi pelaksana.











**LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023**



20 FEBRUARI 2023/ISNIN



kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Xvi Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah berkenan menaiki bot Jabatan Laut untuk melawat ke Kg Salang, Pulau Tioman bagi menghadiri jamuan penduduk kampung dan Beramah mesra bersama penduduk.Turut menaiki Bot adalah Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah bersama Menteri Besar Pahang Dato' Sri Wan Rosdy Bin Wan Ismail.













# LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023

www.tioman.gov.my

20 FEBRUARI 2023/ISNIN







Lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Xvi Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah Ke Kg Salang , Pulau Tioman, Menjamu selera dan beramah mesra bersama penduduk Kampung Salang.baginda turut melawat Jeti Kg Salang yang sedang dinaiktaraf.Sumber peruntukan bagi kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur untuk Jeti Kg Salang diberikan dari ECERDC(East Coast Economic Region) dan kos bagi projek ini berjumlah RM3,700,000.00.kontraktor yang diberi tanggungjawab ialah NAHUZA RESOURCE SDN BHD.projek ini bermula dari 1.2.2022 dan dijangka siap pada 30.10.2023.







# LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023

www.tioman.gov.my

20 FEBRUARI 2023/ISNIN

## KEBERANGKATAN PULANG KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH










# GAMBAR SEKITAR LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN ABDULLAH RIAYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KE PULAU TIOMAN

www.tioman.gov.my

20 FEBRUARI 2023/ISNIN















# LAWATAN JABATAN BOMBA BERSAMA PENGURUS BESAR TDA KE TAPAK BAGI PEMBINAAN BALAI BOMBA DI PULAU TIOMAN

www.tioman.gov.my

20 FEBRUARI 2023/ISNIN



Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman, Dato' Idros Bin Yahya bersama Jabatan Bomba telah membuat satu lawatan tapak bagi membina Balai Bomba di Pulau TiomanIni bertujuan untuk meningkatkan kemudahan di Pulau Tioman bagi memudahkan urusan Pelancong dan masyarakat sekitar untuk berurusan dengan perkhidmatan agensi-agensi kerajaan dan memantapkan lagi pembangunan di Pulau Tioman.





# LAWATAN AHLI LEMBAGA PENGARAH TDA YH. DATO' SRI HAJI WAN ABDULLAH BIN HAJI WAN SALLEH BERSAMA ISTERI DATIN SRI ROKIAH BT YEOP KE PRODUK PELANCONGAN DI PULAU TIOMAN

www.tioman.gov.my

21 FEBRUARI 2023/SELASA



PADA 21 FEBRUARI 2023,Ahli Lembaga Pengarah TDA YH. Dato' Sri Haji Wan Abdullah Bin Haji Wan Salleh Bersama Isteri Datin Sri Rokiah Bt Yeop ditemani juga Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman, Dato' Idros Bin Yahya telah membuat satu lawatan ke Produk pelancongan di Pulau Tioman.Antara Tempat yang dilawati ialah CHAMELEON VILLAGE,KAMPUNG JUARA, Melihat RAFFLESIA TIOMAN, ICON PELANCONGAN TIOMAN serta Pelbagai lagi produk pelancongan di Pulau Tioman.









# LAWATAN AHLI LEMBAGA PENGARAH TDA YH. DATO' SRI HAJI WAN ABDULLAH BIN HAJI WAN SALLEH BERSAMA ISTERI DATIN SRI ROKIAH BT YEOP KE PRODUK PELANCONGAN DI PULAU TIOMAN

21 FEBRUARI 2023/SELASA

www.tioman.gov.my















# PELAKSANAAN PEMBINAAN MEREKABENTUK, MEMBEKAL SERTA MENTAULIAH SEBUAH BOT BAGI LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN.

www.tioman.gov.my



LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN BAKAL MENERIMA SEBUAH BOT BAHARU YANG YANG LEBIH MODERN BAGI MEMUDAHKAN KERJA - KERJA YANG BERKAITAN DENGAN LAUT.PROSES PEMBUATAN BOT INI TELAH MENELAN BELANJA SEBESAR RM946,000.00..BOT INI TELAH PUN MENCAPAI 90% SIAP DAN BAKAL DIGUNAKAN OLEH LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN PADA TAHUN INI.SYARIKAT AZ MARINE YANG TERLETAK DI MUAR JOHOR TELAH DIBERI KEPERCAYAAN OLEH LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN BAGI MENYIAPKAN BOT TERSEBUT







EDISI 3 / MAC 2023

# BULETIN

## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

# GUNUNG NENEK SEMUKUT

"TANDUK SI PUTERI NAGA"








'Dragon Horns' atau Gunung Nenek Semukut merupakan pemandangan entiti indah yang menghiasi Pulau Tioman. Terletak di Kampung Mukut Pulau Tioman, Gunung Nenek Semukut dengan pasangannya, Batu Simau menjadi sebahagian daripada lagenda pulau indah negeri Pahang.

**Puncak berkembar itu dikatakan 'tanduk' puteri naga yang menukarkan dirinya menjadi Pulau Tioman. Selain menyerupai seakan sepasang naga yang terbaring lena, sisi lain Gunung Nenek Semukut juga dikenali dengan formasi seakan wajah manusia pada puncaknya.**

# GUNUNG NENEK SEMUKUT

## "TANDUK SI PUTERI NAGA"



Puncak Gunung Nenek Semukut dan Batu Simau adalah batuan granit tertinggi antara laluan pendakian paling sukar di rantau ini

Imej bukit batunya gunung semukut menyerupai muka seorang lelaki yang lengkap dengan dahi, hidung, mulut dan dagu. Gunung semukut mempunyai ketinggian kira-kira 703 meter dari paras laut, puncak Nenek Semukut dan Batu Simau adalah batuan granit tertinggi dalam ukuran 90 darjah menegak di Malaysia dan tersenarai antara laluan pendakian paling sukar di rantau ini.



# GUNUNG NENEK SEMUKUT

## "TANDUK SI PUTERI NAGA"



Dato' Idros menggunakan tali keselamatan ketika memanjat bongkah batu ketika mendaki Gunung Nenek Semukut.
-kredit Harian metro.





INFO

- Rupa bentuk bumi Pulau Tioman yang hampir 80 peratus berbukit dan bertebing tinggi dengan formasi batu granit dan bukit-bukau beralun menjadi daya tarikan untuk sukan ekstrem mendaki bukit dan memanjat tebing cerun curam.
- Gunung Nenek Semukut atau digelar Dragon Horns mendapat namanya kerana kelihatan seperti dua tanduk naga adalah puncak berkembar bersama Gunung Batu Simau yang terletak di bahagian selatan Pulau Tioman.
- Puncak berkembar itu dikatakan 'tanduk' puteri naga yang menukarkan dirinya menjadi Pulau Tioman.
- Gunung Nenek Semukut mungkin tidak dikenali di Malaysia tapi di peringkat antarabangsa, ia dianggap salah satu daripada syurga mendaki tebing di Asia Tenggara.
- Jika dilihat kira-kira 10 kilometer dari arah Kuala Rompin, Gunung Nenek Semukut mempunyai dua puncak batu tajam menyerupai bentuk tanduk naga manakala kawasan tengah dan utara pulau kelihatan berbukit dan landai, masing-masing menyamai bentuk badan dan ekor haiwan itu.
- Ditawan kali pertama pada tahun 2000 oleh Scott C Nelson dari California, Amerika Syarikat dan Nick Tamlin dari England yang mengambil masa lima hari untuk sampai ke puncaknya.

# LAWATAN JABATAN KERJA RAYA (JKR) UNTUK PENILAIAN TAHAP KESELAMATAN BAGI PENGGUNAAN SEMENTARA JETI KARGO

15 MAC 2023/RABU







Pada 15 Mac 2023 Lembaga Pembangunan Tioman telah menyelaras lawatan dari Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur dan Pengangkutan JKR dari bahagian Maritim, Bahagian Mekanikal & Bahagian Elektrik serta dari cawangan Geoteknik bagi memberi khidmat nasihat dan penilaian tahap keselamatan bagi cadangan penggunaan sementara Jeti Kargo Kg Tekek, Pulau Tioman. Pemeriksaan melibatkan aspek ketahanan Jeti untuk menampung beban serta keselamatan bagi penggunaan kargo.

# LAWATAN JABATAN KERJA RAYA (JKR) UNTUK PENILAIAN TAHAP KESELAMATAN BAGI PENGGUNAAN SEMENTARA JETI KARGO

15 MAC 2023/RABU







# LAPORAN KEJADIAN POKOK TUMBANG DI KAMPUNG AIR BATANG, PULAU TIOMAN

17 MAC 2023/JUMAAT





Pada jam 8.57 pagi, satu aduan kejadian pokok tumbang yang menyekat laluan penduduk Kg. Air Batang telah di terima dan dengan kadar segera Unit Tindakan Khas Lembaga Pembangunan Tioman telah berada di lokasi bersama Bomba, TNB dan JPKK Kg. Tekek pada jam 9.00 pagi.

Kerja-kerja pemotongan pokok dilaksanakan dengan menggunakan 4 unit Chainsaw dan 1 unit Chainsaw Galah. Kerja dilaksakan dengan memotong pokok dan membersihkan kawasan tersebut bagi memberi laluan kepada penduduk Kg. Air Batang.

Kerja- kerja telah siap pada jam 12.15 tengah hari. Laluan telah dapat digunakan dengan selamat seperti sediakala.






# LAPORAN KEJADIAN POKOK TUMBANG DI KAMPUNG AIR BATANG, PULAU TIOMAN

17 MAC 2023/JUMAAT

## KERJA KERJA PEMBERSIHAN SEDANG DIJALANKAN









# LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA KE PULAU TIOMAN.

19 MAC 2023/AHAD







Pada 19 Mac 2023 yang lalu Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya, YBhg. Datuk Mohd Zamri Bin Mat Zain telah hadir Ke Pulau Tioman diringi oleh Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman, Dato' Idros Bin Yahya bagi membuat lawatan kerja dan juga melihat Produk Pelancongan yang berada di Pulau Tioman selama 2 hari. Selain itu, satu Program "SEMBANG TEH TARIK BERSAMA TKSU(PL) DAN TDA BERSAMA PEMAIN INDUSTRI" turut dijalankan bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan di Pulau Tioman. Tujuan utama bagi lawatan ini dijalankan adalah untuk memperkenalkan produk pelancongan Pulau Tioman serta menjadikan Pulau Tioman sebagai sebuah tempat yang mempunyai daya tarik tersendiri dan juga mengenal pasti tempat yang boleh dijadikan produk pelancongan yang dapat dijadikan tarikan bagi pelancong untuk melancong ke Pulau Tioman.





# LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA KE PULAU TIOMAN.

19 MAC 2023/AHAD











# LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA KE PULAU TIOMAN.

19 MAC 2023/AHAD





















# LATIHAN DALAM KONTRAK BEKALAN BOT UNTUK LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

20 MAC 2023/ISNIN







Pada 20 Mac 2023 yang lalu, Lembaga Pembangunan Tioman bersama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menghadiri satu sesi latihan bagi bot yang telah diberi kontrak kepada AZ Marine Muar. Latihan ini bertujuan untuk menerangkan pengunaan dan cara mengaplikasikan bot sewaktu beroperasi.Latihan ini dijalankan selama 2 hari di AZ Marine Muar Johor.











# SEKALUNG TAHNIAH BUAT 2 ORANG STAF LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN YANG TELAH DIANUGERAHKAN PINGAT SEMPENA HARI KEPUTERAAN KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN PAHANG YANG KE -63

21 MAC 2023/SELASA









Sempena memuliakan ulang tahun hari Keputeraan Yang Ke - 63 Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang , Satu Istiadat pengurniaan Darjah-Darjah kebesaran Dan Pingat-Pingat Negeri Pahang darul Makmur.Difahamkan 2 orang staff Lembaga Pembangunan Tioman iaitu Encik Salleh Bin Ibrahim dan juga Encik Mahadi Bin Mah Hassan Telah menerima Pingat Jasa Kebaktian .Sekalung Tahniah Diucapkan dari warga Lembaga Pembangunan Tioman.

# PEMERIKSAAN TAHAP KEROSAKAN DAN CADANGAN PEMBAIKAN BAGI JAMBATAN DI KAMPUNG SEKITAR PULAU TIOMAN OLEH JABATAN KERJA RAYA (JKR)

22 MAC 2023/RABU







Jabatan Kerja Raya (JKR) dari Bahagian Kejuruteraan Forensik Pakar Kejuruteraan Jalan Dan Jambatan dari Cawangan Ibu Pejabat JKR telah membuat lawatan bagi tujuan pemeriksaan tahap kerosakan dan cadangan pembaikan di setiap jambatan sekitar Pulau Tioman. Pemeriksaan ini diselaraskan oleh Lembaga Pembangunan Tioman. Antara jambatan yang telah dilakukan pemeriksaan ialah :

**1. Jambatan No.1 Sg. Salang, Kg. Salang, Pulau Tioman.**
**2. Jambatan Sg. Bungor, Kg. Air Batang, Pulau Tioman**
**3. Jambatan Kebang Sg. Raya, Kg. Mukut, Pulau Tioman.**
**4. Jambatan Sg. Paya, Kg. Paya, Pulau Tioman (Jambatan ke Tioman Paya Resort)**
**5. Jambatan Sg. Air Tengah, Kg. Air Batang, Pulau Tioman.**
**6. Jambatan Kebang Sg. Kelopak, Kg. Air Batang, Pulau Tioman.**
**7. Jambatan Sg. Air Licin, Kg. Air Batang, Pulau Tioman.**
**8. Jambatan No.2 Sg. Salang, Kg. Salang, Pulau Tioman.**
**9. Jambatan Sg. Air Hantu, Kg. Tekek, Pulau Tioman.**
**10. Jambatan Sg. Air Damik, Kg. Mukut, Pulau Tioman.**
**11. Jambatan Sg. Keliling, Kg. Juara, Pulau Tioman.**
**12. Jambatan Kg. Juara, Pulau Tioman.**



# PEMERIKSAAN TAHAP KEROSAKAN DAN CADANGAN PEMBAIKAN BAGI JAMBATAN DI KAMPUNG SEKITAR PULAU TIOMAN OLEH JABATAN KERJA RAYA (JKR)

22 MAC 2023/RABU







# SELAMAT MENYAMBUT BULAN RAMADHAN DAN SELAMAT BERPUASA



# PROGRAM AGIHAN BUBUR LAMBUK PERCUMA ANJURAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN (TDA) DAN YB ADUN TIOMAN SEMPENA BULAN RAMADHAN DI PULAU TIOMAN.

27 MAC 2023/ISNIN











Pada 27 Mac 2023 bersamaan 5 Ramadhan Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) bersama Pengurus Besar TDA , Dato' Idros Bin Yahya dan juga YB Adun Tioman Dato' Sri Mohd Johari Bin Hussain telah mengadakan Program Agihan Bubur Lambuk percuma kepada masyarakat di Pulau Tioman. Program agihan bubur lambuk bermula dari pukul 5.00 petang dan bertempat di Berhadapan Kompleks Terminal Kampung Tekek, Pulau Tioman. Program ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan di antara pihak Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) dengan masyarakat di sekitar Pulau Tioman.

# PROGRAM AGIHAN BUBUR LAMBUK PERCUMA ANJURAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN (TDA) DAN YB ADUN TIOMAN SEMPENA BULAN RAMADHAN DI PULAU TIOMAN.

27 MAC 2023/ISNIN













# PROGRAM AGIHAN BUBUR LAMBUK PERCUMA ANJURAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN (TDA) DAN YB ADUN TIOMAN SEMPENA BULAN RAMADHAN DI PULAU TIOMAN.

27 MAC 2023/ISNIN













# SELAMAT DATANG KEPADA 2 ORANG STAF BARU YANG BAKAL BERTUGAS DI LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

27 MAC 2023/ISNIN



**PENOLONG PEGAWAI TADBIR**



**PEMBANTU LAUT**

Pada 27 Februari yang lalu, Lembaga Pembangunan Tioman telah mengadakan temuduga bagi 2 jawatan iaitu Penolong Pegawai Tadbir dan Pembantu Laut. Pada 15 Mac 2023, Lembaga Pembangunan Tioman telah menerima seorang Pembantu Laut iaitu Encik Siswasatria BIn Abd Rauf dan pada 27 Mac 2023, Penolong Pegawai Tadbir Cik Nur Syafira Aini Binti Ishak telah melaporkan diri. Kedua-duanya akan bertugas di Pejabat Lembaga Pembangunan Tioman di Pulau Tioman. Pihak TDA mengucapkan Selamat Bertugas.



Cik Syafira Aini Binti Ishak
Penolong Pembantu Tadbir



Encik Siswasatria BIn Abd Rauf
Pembantu Laut

# LAWATAN TAPAK CADANGAN PEMBINAAN HOSPITAL DI PULAU TIOMAN

27 MAC 2023/ISNIN





Lawatan tapak bagi Cadangan Pembinaan Hospital di Kg.Tekek, Pulau Tioman, Rompin, Pahang telah diadakan pada 27 Mac 2023 bertujuan untuk mengenalpasti tapak cadangan yang bersesuaian untuk cadangan tersebut. Turut sama dalam lawatan tapak ini adalah YB ADUN Tioman, Pengarah Hospital Rompin, Pegawai dan wakil2 dari TDA,Pejabat Daerah dan Tanah Rompin, Pejabat Kesihatan Negeri Pahang dan Daerah Rompin







# HARI BERTEMU PELANGGAN TDA & AGENSI






# TRIP BATU PERMATA DAN JAPAMALA RESORT

28 MAC 2023/SELASA







Pada 28 Mac 2023, Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman Dato' Idros Bin Yahya bersama-sama Staf Lembaga Pembangunan tioman telah melakukan satu Trip ke Batu Permata dan Japamala Resort. Tujuan bagi Trip ini dilakukan untuk mellihat produk pelancongan yang berada di sana serta melihat keperluan yang diperlukan untuk menambahbaikan kemudahan yang bagi memantapkan lagi produk pelancongan yang ada di sana.



# TRIP BATU PERMATA DAN JAPAMALA RESORT

28 MAC 2023/SELASA











# LAWATAN TAPAK AWAL BAGI PROJEK NAIKTARAF KEMUDAHAN SUKAN DI KAMPUNG TEKEK, PULAU TIOMAN

28 MAC 2023/SELASA









Pada 28 MAC 2023 Bahagian Pembangunan, Jabatan Belia Dan Sukan bersama Lembaga Pembangunan Tioman telah mengadakan satu lawatan awal bagi Projek naiktaraf kemudahan sukan di Kg Tekek, Pulau Tioman. Tujuan Lawatan ini diadakan bagi tujuan pengumpulan data awal Sebelum satu Lawatan rasmi dari pada Bahagian Pembangunan Kementerian Belia dan Sukan yang dijadualkan pada 12-14 Mei 2023 nanti.

# LAWATAN TAPAK AWAL BAGI PROJEK NAIKTARAF KEMUDAHAN SUKAN DI KAMPUNG TEKEK, PULAU TIOMAN

28 MAC 2023/SELASA











# LAWATAN DATO' SRI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN ADUN TIOMAN KE PRODUK PELANCONGAN DI PULAU TIOMAN

28 MAC 2023/SELASA





Pada 28 MAC 2023 Adun Tioman, Dato' Sri Mohd Johari Bin Hussain telah membuat satu lawatan ke Icon Pelancongan dan produk pelancongan di Pulau Tioman.. Di Pulau Tioman pelbagai produk pelancongan dan icon pelancongan yang menarik dapat di lawati. Antara tarikan utama, Pulau Tioman mempunyai bunga Rafflesia yang mempunyai ciri khas yang tersendiri.












# PROGRAM TANDATANGAN SERVIS AGREEMENT (BSNEBIZ) ANTARA LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN DAN BANK SIMPANAN NASIONAL

29 MAC 2023/RABU







Pada 29/3/2023 telah termetrai perjanjian antara Lembaga Pembangunan Tioman dan Bank Simpanan Nasional bagi servis BSNeBIZ. Servis BSNeBIZ ini digunakan oleh Lembaga untuk menyemak pembayaran hasil dalam talian dan akan membantu melancarkan lagi program Cashless at Tioman yang bakal dilancarkan kelak.





# ANUGERAH PELANCONGAN ICCTE2023-PULAU TENAGA HIJAU

30 MAC 2023/KHAMIS






Pada 30 MAC 2023 Lembaga Pembangunan Tioman telah mendapat anugerah Pulau Tenaga Hijau dari Malaysia-China Cultural Tourist association Malaysia pada majlis International Conference of Cultural Tourism And Education.. Lembaga Pembangunan Tioman sedang berusaha menjadikan sebuah Pulau yang masih mengekal kan alam semula jadi. Ini sebagai Produk pelancongan yang penting bagi Pulau Tioman.








EDISI 4/ APRIL 2023

# BULETIN

## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN



### AIR TERJUN ASAH, PULAU TIOMAN

**Air Terjun Asah adalah air terjun terbesar dan paling terkenal di Pulau Tioman.Terletak di selatan Pulau Tioman, berjalan kaki mengambil masa selama 20 minit dari Kampung Asah untuk sampai ke sini.**

# MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN KALI KE -46 (BIL.2/2023)

5 APRIL 2023/RABU









Mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Tioman Kali Ke-46 (BIL.2/2023) telah diadakan pada 5 April 2023 bertempat di Corus Hotel Kuala Lumpur. Mesyuarat ini di Pengerusikan oleh Menteri Besar Pahang, Y.A.B Dato' Sri Wan Rosdy Bin Wan Ismail SSAP., SUMV., DSAP., DIMP., SMP., AMP. Turut serta dalam Mesyuarat yang diadakan, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, YB Dato' Sri Dr. Sallehuddin Bin Ishak. Ahli Lembaga Pengarah yang turut hadir, YBhg. Datuk Zamri Bin Mat Zin,Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan), Kementerian Pelancongan ,Kesenian dan Budaya Malaysia(MOTAC), Encik Mohd Azlan Bin Zakaria,Ketua Unit Kewangan Negeri, Kementerian Kewangan Malaysia, YH Dato' Sri Maznah Binti Mazlan , YH Dato' Haji Md. Rusli Bin Ismail ,YBhg. Datin Hajah Shamsiah Binti Haji Arshad, YH Dato' Haji Wan Abdullah Bin Wan Salleh beserta dengan YH Dato' Sri Haji Mohd Johari Bin Hussain. Turut juga dihadiri Pegawai Daerah Rompin, Dato' Ahmad Nasim Bin Dato' Haji Mohd Sidek.

# MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN KALI KE -46 (BIL.2/2023)

5 APRIL 2023/RABU





Pengurusan Lembaga Pembangunan Tioman yang turut serta dalam Mesyuarat kali ini adalah YH Dato' Haji Idros Bin Yahya, Pengurus Besar Lembaga selaku Setiausaha dan Puan Norzaihan Binti Othman, Encik Izuddin Iskandar Bin Mohamad Sharif, Puan Nazratul Azra Binti Tukirin, Puan Norhawalaina Binti Mohd Arif, Cik Muhsinah Binti Akmal dan Cik Marlia Binti Mohd Noor. Mesyuarat ini membincangkan isu-isu berkaitan dengan pembangunan yang perlu dilaksanakan dan juga pembangunan yang telah dilaksanakan di Pulau Tioman oleh Lembaga Pembangunan Tioman bagi memastikan Pulau Tioman menjadi tempat tarikan pelancong yang mempunyai kemudahan yang lengkap. Pelbagai langkah telah disusun bagi memantapkan lagi sektor pelancongan di Pulau Tioman dan menyediakan kemudahan serta aktiviti-aktiviti untuk pembangunan masyarakat bagi memastikan ianya bergerak seiring dengan pembangunan yang telah dibuat oleh Lembaga Pembangunan tioman.









# MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN KALI KE -46 (BIL.2/2023)

5 APRIL 2023/RABU

## AHLI LEMBAGA PENGARAH



Y.A.B DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
SSAP., SUMV., DSAP., DIMP., SMP., AMP
MENTERI BESAR PAHANG



DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK
YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG



YH DATO' ZAMRI BIN MAT ZIN
**KEMENTERIAN PELANCONGAN,KESENIAN DAN BUDAYA MALAYSIA (MOTAC)**



ENCIK MOHD AZLAN BIN ZAKARIA
KETUA UNIT KEWANGAN NEGERI
PEJABAT BELANJAWAN NEGARA



YH DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN



YH DATO' HAJI MD RUSLI BIN ISMAIL



YBHG. DATIN HAJAH SHAMSIAH BINTI
**HAJI ARSHAD**



YH DATO' HAJI WAN ABDULLAH BIN WAN SALLEH



YH DATO' SRI MOHD JOHARI HUSSAIN
**ADUN TIOMAN**



AHLI TURUT HADIR
DATO' AHMAD NASSIM BIN DATO' HAJI MOHD SIDEK
**PEGAWAI DAERAH ROMPIN**

# MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN KALI KE -46 (BIL.2/2023)

5 APRIL 2023/RABU

## KUMPULAN PENGURUSAN



YH DATO' HAJI IDROS BIN YAHYA
PENGURUS BESAR



PUAN NORZAIHAN BINTI OTHMAN



PUAN NAZRATUL AZRA BINTI TUKIRIN



ENCIK IZUDDIN ISKANDAR BIN MOHAMAD SHARIF



PUAN NORHAWALAINA BINTI MOHD ARIF



CIK MARLIA BINTI MOHD NOOR



CIK MUHSINAH BINTI AKMAL

## URUSETIA MESYUARAT



NORHAFIZI BINTI AB. JAAFAR



NURHIDAYAH BINTI HASYIM



NORIZWA AIDA BINTI M. SAID



NORATIQAH BINTI YAACOB



SALLEH BIN IBRAHIM



AHMAD JURAIMIE BIN JESAMSANI



KHAIRUL NIZAM BIN NAZERY



MUHAMMAD AMIRUL AIMAN BIN MUHAMAD ARIF



AHMAD SYAFIQ IZZAT BIN RAZALI

# MAJLIS PENYERAHAN 1 UNIT BOT BAHARU UNTUK KEGUNAAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

13 APRIL 2023/KHAMIS

Pada 13 April 2023, Lembaga Pembangunan Tioman telah menerima sebuah bot baharu yang telah siap dibina. Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) telah berbesar hati untuk mencuba dan menaiki bot tersebut. Dengan adanya tambahan bot baru ini, Lembaga Pembangunan Tioman dapat memberikan perkhidmatan kepada masyarakat Pulau Tioman dengan lebih efisyen lagi.













# PEMASANGAN SOLAR SPORTLIGHT DI JETI KARGO KAMPUNG TEKEK, PULAU TIOMAN OLEH LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

13 APRIL 2023/KHAMIS







Pada 13 April 2023, Lembaga Pembangunan Tioman telah memasang Solar Sportlight di Jeti Kargo, kampung Tekek, Pulau Tioman.Hal ini bertujuan bagi menjaga keselamatan dan menyediakan kemudahan yang lengkap kepada penguna Jeti Kargo terutama kepada kargo yang datang ke Pulau Tioman.





# MAJLIS BERBUKA PUASA KELAB LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN DI HOTEL SRI MALAYSIA

15 APRIL 2023/SABTU







Pada 15 April 2023, Majlis berbuka puasa Kelab Lembaga Pembangunan Tioman telah diadakan di Hotel Sri Malaysia Rompin. Majlis ini dihadiri oleh Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman, Dato' Idros Bin Yahya serta para kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Pembangunan Tioman. Majlis ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim kakitangan Lembaga Pembangunan Tioman.















# MAJLIS BERBUKA PUASA KELAB LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN DI PULAU TIOMAN

18 APRIL 2023/SELASA











# SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI DAN MAAF ZAHIR DAN BATIN DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

22 APRIL 2023/SABTU

سلامت هاري راي عيدالفطري

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI




Selamat Hari Raya aidilfitri

# MAJLIS PERPISAHAN DUA (2) PELATIH YANG TAMAT MENJALANI PRAKTIKAL DI LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

27 APRIL 2023/KHAMIS





Pada 27 April 2023, Satu Majlis Perpisahan diadakan untuk menghargai 2 orang pelajar dari Universiti Teknologi Mara Seremban 3, Dalam jurusan Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) yang menjalani latihan praktikal di Lembaga Pembangunan Tioman selama 3 bulan. Lembaga Pembangunan Tioman mengucapkan jutaan terima kasih kerana banyak membantu dalam apa jua urusan yang dijalankan dan Ucapan kami "Semoga Maju Jaya"









# SELAMAT BERSARA DAN TERIMA KASIH DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK,SSAP.,SIMP.,DIMP.,PJN.,JSM.,PJK. YB. SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

26 APRIL 2023/RABU



LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
NO 1, JALAN BESAR TG GEMOK 1,TELUK GADING ,
26820 KUALA ROMPIN,
PAHANG DARUL MAKMUR

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
KG TEKEK, PULAU TIOMAN,
26800 KUALA ROMPIN,
PAHANG DARUL MAKMUR

COPYRIGHT © 2023 RESERVERD TO LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

Tioman

EDISI 5/ MEI 2023

# BULETIN

## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN



**SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI**
**&**
**MAAF ZAHIR DAN BATIN**

# LAWATAN KERJA LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN KE DUBAI BAGI MEMPROMOSIKAN PULAU TIOMAN

04 MEI 2023/KHAMIS





Lembaga Pembangunan Tioman telah dijemput untuk menyertai Pameran Pelancongan Antarabangsa "Arabian Travel Market"(ATM) 2023 di Dubai,Emiriah Arab Bersatu. Lawatan ini juga bertujuan untuk mempromosikan produk perlancongan Negeri Pahang bagi pasaran Wilayah Timur Tengah.





# LAWATAN KERJA LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN KE DUBAI BAGI MEMPROMOSIKAN PULAU TIOMAN

04 MEI 2023/KHAMIS
















# LAWATAN FRIM BERKENAAN MENAIKTARAF 8 JEJAK LALUAN MERENTAS HUTAN DI PULAU TIOMAN

04-05 MEI 2023/KHAMIS









Pada 4 Mei 2023, Forest Research Institute Malaysia(FRIM) telah menerima jemputan Lembaga Pembangunan Tioman bagi Lawatan berkenaan menaiktaraf 8 jejak laluan merentas hutan di Pulau Tioman. Pelbagai aktiviti dilakukan, Diantaranya ialah hiking dari Panuba, Kg Air Batang ke Kg Salang, Hiking dari Kg Genting ke Batu Permata dan juga Hiking di Karang Balau,Kg Juara.



# LAWATAN FRIM BERKENAAN MENAIKTARAF 8 JEJAK LALUAN MERENTAS HUTAN DI PULAU TIOMAN

04-05 MEI 2023/KHAMIS










# LAWATAN FRIM BERKENAAN MENAIKTARAF 8 JEJAK LALUAN MERENTAS HUTAN DI PULAU TIOMAN

04-05 MEI 2023/KHAMIS



Objektif bagi lawatan ini bertujuan untuk mempelbagaikan produk Biodiversiti serta Komersialkan produk-produk pelancongan di Pulau Tioman. Antara laluan yang dinaiktaraf ialah Mystery Walk, Kampung Genting, Macaque Trail, KampungSalang, Juara Canopy Walk, Kampung Juara serta Karang Balau, Kampung Juara, Pulau Tioman.

















KARANG BALAU PEMANDANGAN DRONE

# LAPORAN KEJADIAN POKOK TUMBANG DI JALAN TEKEK - JUARA

07 MEI 2023/AHAD











Pada jam 10.40 pagi, Encik Wan Noraizuddin Bin Wan Endut menerima aduan kejadian pokok tumbang yang menyekat laluan jalan Tekek – Juara yang mengakibatkan 5 buah kenderaan/kereta membawa pelancong terkandas.

Pada jam 10.50pagi Unit Tindakan Khas Lembaga Pembangunan Tioman (UTK TDA) telah membuat persiapan peralatan dan telah bertolak ke lokasi kejadian pada jam 11.00 pagi dengan menaiki sebuah kenderaan pacuan 4 roda milik TDA.

Jam 11.20 pagi UTK TDA telah tiba di lokasi kejadian. Kerja dilaksanakan dengan mengunakan 3 buah chainsaw serta parang. Aduan juga telah dimajukan kepada TNB kerana pokok tersebut telah menimpa kable TNB.

Kerja- kerja telah siap pada jam 1.00 petang. Laluan telah dapat digunakan dengan selamat seperti sediakala.





# ACARA TAHUNAN "SAIL MALAYSIA PASSAGE TO THE EAST YACHT RALLY" DI PULAU TIOMAN

10 MEI 2023/RABU







Pada 10 MEI 2023, telah berlangsungnya acara tahunan Sail Malaysia Passage To The East Yacht Rally yang melibatkan pelayar-pelayar dari pelbagai negara di Pulau Tioman.

Acara pada tahun ini melibatkan 20 orang pelayar (ada lebih kurang 7 kapal masih berada di Desaru). Seperti tahun-tahun sebelum ini kita menyambut kehadiran mereka dengan mengadakan acara sukan rakyat yang turut melibatkan penduduk kampung. Dianggarkan kehadiran keseluruhan pada hari ini adalah seramai 180 orang.

Pada Tahun ini para pelayar disajikan dengan juadah Hari Raya, seperti Nasi Impit, Kuah Kacang dan Rendang Ayam.Tujuannya untuk mempromosikan juadah kepada para pelayar.











# PENYERTAAN MAJLIS RUMAH TERBUKA MASJID SULTAN HAJI AHMAD SHAH TELUK GADING

13 MEI 2023/SABTU



Pada 13 Mei 2023 yang lalu, Lembaga Pembangunan Tioman telah menyertai Majlis Rumah Terbuka Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Teluk Gading dan mengambil bahagian dalam menyumbangkan juadah Hari Raya terdiri daripada rendang daging, ketupat palas dan tapai untuk sajian kepada kira-kira 300 orang tetamu sebagai komitmen selaku komuniti di Teluk Gading. Majlis ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Teluk Gading yang dipengerusikan oleh YH. Dato' Haji Md. Rusli bin Ismail merangkap Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Tioman.

Empat (4) orang anggota perkhidmatan TDA telah ditugaskan untuk menyelaras booth TDA pada Majlis ini.









# MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2022
# LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

14 MEI 2023/AHAD



14 mei 2023 yang lalu, Lembaga Pembangunan Tioman telah melaksanakan satu Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi Tahun 2022.

Anugerah ini bertujuan untuk menghargai warga Lembaga Pembangunan Tioman yang telah memberikan perkhidmatan dengan penuh dedikasi.Dengan adanya majlis ini, dapat memberikan suntikan kepada warga Lembaga Pembangunan Tioman untuk terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang bagi melayani para masyarakat Pulau Tioman.

Sekalung ucapan tahniah bagi para penerima anugerah dan jutaan Terima kasih kerana berkhidmat tanpa mengenal erti lelah bagi melayani dengan penuh dedikasi kepada Masyarakat Pulau Tioman.











# MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2022 LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

14 MEI 2023/AHAD






















# PERSIAPAN MAJLIS RUMAH TERBUKA PULAU TIOMAN 2023

13 MEI 2023/SABTU












EDISI 5/ MEI 2023

# MAJLIS RUMAH TERBUKA PULAU TIOMAN 2023

14 MEI 2023/AHAD




Lembaga telah mengadakan satu majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Pulau Tioman 2023 pada 14 Mei 2023. Program ini bermula dengan gotong-royong memasak juadah utama iaitu Ketupat Lemak, Rendang Ayam dan Pulut Kuning serta persiapan tempat secara bersama oleh warga kerja Lembaga bersama ahli keluarga. Selain penyediaan juadah oleh pihak Lembaga, beberapa agensi serta pengusaha resort turut mengambil bahagian menyumbang juadah untuk jamuan. Agensi atau Jabatan yang terlibat adalah Polis DiRaja Malaysia, Sekolah Menengah Kebangsaan Tekek, Sekolah Kebangsaan Tekek, Alam Flora Sdn. Bhd Cawangan Tioman serta Paya Beach Resort. Dianggarkan seramai 1300 orang tetamu telah hadir ke majlis ini yang terdiri daripada penduduk dan juga pelancong dalam dan luar negara











# MAJLIS RUMAH TERBUKA PULAU TIOMAN 2023

14 MEI 2023/AHAD










# PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN BERSEPADU 2023, ANJURAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN DAN PELBAGAI AGENSI.

16 MEI 2023/SELASA










Pada 16 MEI 2023, telah dijalankan satu Program Hari Bertemu Pelanggan Bersepadu 2023, Anjuran Lembaga Pembangunan Tioman dan Pelbagai agensi lain.

Program ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim diantara agensi/jabatan dan juga penduduk di Pulau Tioman. Hal ini juga bagi memudahkan masyarakat menyelesaikan beberapa urusan tanpa perlu keluar ke tanah besar.

Antara agensi yang terlibat ialah LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN, PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH ROMPIN, PEJABAT PERKESO NEGERI PAHANG, LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI KUANTAN, PUSAT KUTIPAN ZAKAT PAHANG, GIAT MARA ROMPIN, KLINIK HIJRAA BESUT, JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA.



# KUNJUNGAN HORMAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI KE LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

16 MEI 2023/SELASA









# PEMERIKSAAN ASET SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG OLEH PEJABAT DAERAH DAN TANAH ROMPIN

27 MEI 2023/SABTU







# SEMBURAN KABUS (FOGGING) PUSINGAN PERTAMA DI PULAU TIOMAN




## Kg. Mukut 23 Mei 2023, 5.00 petang







# SEMBURAN KABUS (FOGGING) PUSINGAN PERTAMA DI PULAU TIOMAN

## Kg. Genting 24-25 Mei 2023, 5.00 petang







## Kg. Paya 26 Mei 2023, 5.00 petang







# SEMBURAN KABUS (FOGGING) PUSINGAN PERTAMA DI PULAU TIOMAN

**Kg.Salang 29 Mei 2023, 5.00 petang**





**Kg. Air Batang 30 Mei 2023, 5.00 petang**




# SEMBURAN KABUS (FOGGING) PUSINGAN PERTAMA DI PULAU TIOMAN

## Kg. Juara 31 Mei 2023, 5.00 petang





## Kg.Tekek 06-08 Jun 2023, 5.00 petang







# JEMPUTAN KE MALAYSIA INTERNATIONAL DIVE EXPO(MIDE)2023

27 MEI 2023/SABTU











EDISI 6/ JUN 2023

# BULETIN

## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN




## ASAL USUL NAMA PULAU TIOMAN

Menurut kisah dongeng yang dipercayai penduduk tempatan, Tioman berasal dari sepasang naga. Pada zaman dahulu kala, sepasang naga suami isteri (naga jantan dan naga betina) meninggalkan Tasik Chini ke laut melalui Sungai Pahang. Dalam perjalanan, naga ini tertinggal kain cindai lalu berpatah balik.

Malangnya, waktu itu ayam telah berkokok. Naga ini pantang mendengar ayam berkokok. Oleh sebab melanggar pantang, naga betina bertukar menjadi pulau. Sementara naga jantan bertukar mrenjadi Gunung Nenek Semukut iaitu sebuah gunung yang terdapat di Pulau Tioman.

# PULAU TIOMAN

EDISI 6/ JUN 2023

Pulau Tioman merupakan sebuah pulau di Rompin, Pahang, Malaysia. Ia terkenal dikalangan peminat sukan menyelam. Pulau Tioman memiliki keluasan 39 km panjang dan 12 km lebar. Bentuk Pulau Tioman dari udara seperti seketul paha ayam. 70 km dari jeti Mersing, Johor dan 36 batu nautika dari jeti Tanjung Gemok, Kuala Rompin di Pahang.





Pada tahun 1987, terdapat 1564 orang penduduk. Bilangan rumah di sini ialah sebanyak 285 buah. Antara 1989 hingga 1990, penduduk Pulau Tioman ialah seramai 1500 orang. Kampung Tekek mempunyai penduduk yang paling ramai dengan bilangan penduduk sekitar 600 orang. Rumah mereka dibina di tepi-tepi pantai kerana hanya bahagian pantai sahaja merupakan kawasan datar. Rumah mereka menghadap laut dan menerima hembusan bayu dari laut.

Bahasa penduduk Tioman ialah bahasa Melayu pulau. Mereka cenderung kepada dialek Pahang lawan bahasa Darat, dialek yang dituturkan di pulau Tioman mirip dengan bahasa melayu kepulauan Riau Indonesia yang dituturkan di Pulau Natuna dan Anambas yang berhampiran. Ramai juga yang telah menguasai bahasa Inggeris kerana bahasa ini amat diperlukan oleh para pelancong asing. Menu di restoran-restoran di sini ialah dalam Bahasa Inggeris. Begitu banyak restoran dan gerai di Pulau Tioman kerana kebanyakannya dibuka pada sebelah petang dan malam.



# DIRGAHAYU TUANKU

EDISI 6/ JUN 2023




## IMBASAN MEMORI

**LAWATAN KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG KE PULAU TIOMAN PADA 19-20 FEBRUARI 2023**







# "DISCOVERY WORKSHOP" BERSAMA TELEKOM MALAYSIA(TM) DI PEJABAT LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN TELUK GADING

EDISI 6/ JUN 2023

6 JUN 2023/SELASA









Dalam usaha Lembaga Pembangunan Tioman untuk menjadikan Pulau Tioman sebagai Pulau digital, Pihak lembaga pembangunan Tioman telah menerima kedatangan pihak Telekom Malaysia(TM) untuk Bersama-sama membincangkan kaedah-kaedah yang dapat digunakan oleh Lembaga bagi mendigitalisasi kan Pulau Tioman bagi kemudahan para pelancong serta pemilik perniagaan dan juga penduduk setempat. Ini merupakan salah satu usaha Lembaga Pembangunan Tioman dalam menaiktarafkan Pulau Tioman untuk menjadikan ia sebagai destinasi utama bagi para pelancong




EDISI 6/ JUN 2023

**HARI LAUT SEDUNIA ADALAH PENGINGAT BAHWA LAUTAN ADALAH CIPTAAN YANG MAHAKUASA YANG PALING INDAH DAN PALING BERHARGA DAN KITA HARUS MENGHORMATINYA DAN MENYELAMATKANNYA UNTUK MEMBUAT HIDUP KITA LEBIH BAHAGIA.**







@ glory tioman www.tioman.gov.my tda@tioman.gov.my

# PROJEK KOMUNITI HIJAU PULAU TIOMAN

EDISI 6/ JUN 2023

15 JUN 2023/SELASA















pada 15 Jun 2023 (Khamis) jam 2.00 petang, Pihak Univesiti Putra Malaysia (UPM) telah mengadakan mini bengkel program Projek Komuniti Hijau yang diketuai oleh Dr. Azwady. Tanaman yang diperkenalkan adalah Hidroponik.

Program ini diadakan di tapak projek Hidroponik bersebelahan kuaters Guru, Kampung Tekek, Pulau Tioman. Ø Lebih kurang 30 orang yang menghadiri Projek Komuniti Hijau. Agensi yang terlibat adalah Lembaga Pembangunan Tioman, Pertubuhan Peladang Kawasan Tioman, Guru Sekolah Rendah Kebangsaan Tekek, Alam Flora, Penduduk Kampung Tekek, Air Batang dan Salang.




*KASIHNYA IBU MEMBAWA KE SYURGA, KASIHNYA AYAH SEPANJANG MASA.*

# LAWATAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN KE MENARA MAXIS KUALA LUMPUR

EDISI 6/ JUN 2023

22 JUN 2023/SELASA











Lembaga Pembangunan Tioman telah dijemput ke menara Maxis Business Inovation Centre bagi membincangkan kerjasama di antara Maxis Business bersama Lembaga Pembangunan Tioman.










@ glory tioman www.tioman.gov.my tda@tioman.gov.my

# LAWATAN KERJA MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLAND (MDCH) KE LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN KAMPUNG TEKEK

EDISI 6/ JUN 2023

22 JUN 2023/SELASA



















# LAWATAN KERJA LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN KE TASIK KENYIR, TERENGGANU

EDISI 6/ JUN 2023

24 JUN 2023/SABTU

















# LAWATAN KERJA LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN KE PULAU LANG TENGAH, TERENGGANU

EDISI 6/ JUN 2023

25 JUN 2023/AHAD







Lawatan kerja ke Pulau Lang Tengah, Terengganu pada 25 Jun 2023 bertujuan untuk melihat dan berkongsi pandangan berkenaan projek Via Ferrata yang telah dilaksanakan di Pulau Lang Tengah untuk dicadang dan dilaksanakan di Pulau Tioman.





# ANTARA TEMPAT-TEMPAT MENARIK DI PULAU TIOMAN

EDISI 6/ JUN 2023



## PULAU RENGGIS

TERLETAK TIDAK JAUH DARI KAMPUNG TEKEK ADALAH SEBUAH TARIKAN INDAH YANG MENJADI KEGEMARAN PARA PENYELAM KERANA PEMANDANGAN DASAR LAUTANNYA YANG SUNGGUH MERIAH DENGAN WARNA-WARNI IKAN YANG BERGERAK BEBAS DAN JUGA PEMBENTUKAN BATU-BATU KARANG.
PEMBENTUKAN BATU KARANG DI SINI JUGA DIKATAKAN SANGAT PELBAGAI SEHINGGAKAN BERKEMUNGKINAN DAPAT MELIHAT SPESIES YANG TIDAK PERNAH DITEMUI DI KAWASAN LAIN.



## PULAU TULAI (CORAL ISLAND)

UNTUK MENUJU KE PULAU TULAI DARI PULAU TIOMAN MASA YANG DIAMBIL ADALAH DALAM 1 JAM SAHAJA, DALAM PERJALANAN UNTUK MENUJU KE PULAU INI, KITA DAPAT MENIKMATI BAYU LAUT YANG SANGAT MENYEGARKAN SAMBIL MENCUCI MATA MELIHAT PEMANDANGAN AIR LAUT YANG KEBIRUAN.



## PANTAI KG JUARA

TERDAPAT BEBERAPA PANTAI YANG PERLU DILAWATI KETIKA BERADA DI PULAU TIOMAN. SALAH SATUNYA IALAH PANTAI KAMPUNG JUARA. KAMPUNG JUARA TERLETAK DI SEBELAH TIMUR PULAU TIOMAN. LOKASI INI SEBENARNYA JAUH DARI PUSAT-PUSAT PELANCONGAN YANG LEBIH PADAT DENGAN PENGUNJUNG. JADI, BAGI YANG INGIN MENEROKA PULAU TIOMAN ATAU MAHUKAN LEBIH PRIVASI, BOLEH DATANG KE PANTAI KAMPUNG JUARA.



## PUSAT TAMAN MARIN

SALAH SATU SEBAB YANG MENYUMBANG KEPADA KEINDAHAN LUAR BIASA PULAU TIOMAN ADALAH KERANA IANYA TELAH DIWARTAKAN OLEH KERAJAAN SEBAGAI TAMAN MARIN. DENGAN STATUS SEDEMIKIAN, HIDUPAN MARIN DI KAWASAN SEKITAR PULAU MEMPESONAKAN INI TERPELIHARA DARIPADA SEBARANG AKTIVITI PERIKANAN.

# ANTARA TEMPAT-TEMPAT MENARIK DI PULAU TIOMAN

EDISI 6/ JUN 2023



## MONKEY BAY

MONKEY BAY ADALAH SEBUAH TARIKAN SEMULA JADI PANTAI MENDAMAIKAN JIWA YANG TERLETAK DI BELAKANG KAMPUNG SALANG. PANTAI INDAH INI DIKELILINGI OLEH KEHIJAUAN HUTAN YANG TUMBUH MEKAR DI SEKITARNYA.KAWASAN PANTAINYA PULA CUKUP MENARIK UNTUK DIJADIKAN LOKASI BERKELAH DI MANA KITA BOLEH MENGHAMPARKAN TIKAR DI ATAS PASIRNYA YANG BERWARNA PUTIH BERSIH DAN BEREHAT MENIKMATI PEMANDANGAN AIR LAUT YANG JERNIH BAK KRISTAL. KEJERNIHAN AIR LAUT DI SINI MENJADIKAN IA SALAH SEBUAH LOKASI SNORKELING YANG TERKENAL DI PULAU TIOMAN.



## HIDUPAN LIAR

PULAU TIOMAN INI DILIPUTI OLEH HUTAN HUJAN TROPIKA BERBUKIT YANG MASIH DARA YANG MANA DIHIASI DENGAN FLORA DAN FAUNA YANG MENAKJUBKAN.TUMBUH-TUMBUHAN YANG PADAT DAN SUBUR INI ADALAH HABITAT KEPADA SPESIS-SPESIS TERLINDUNG SEPERTI PELANDUK, KONGKANG, MUSANG BINTURUNG, BERUK EKOR PANJANG, TUPAI GERGASI, LANDAK, REPTILIA DAN AMFIBIA.BAGI PEMINAT BURUNG PULA, TERDAPAT 141 SPESIS BURUNG TERDAPAT DI PULAU INI UNTUK DILIHAT.



## KG SALANG

DI SINILAH TERLETAKNYA PANTAI YANG INDAH DENGAN AIR YANG KEJERNIHANNYA MAMPU MEMUKAU JIWA SESIAPA SAHAJA. BILA DISELAMI PERAIRANNYA, ANDA AKAN TERPESONA MELIHAT PEMBENTUKAN TERUMBU KARANG YANG MENARIK PANDANGAN MATA.SELAIN MENYELAMI DUNIA DALAM AIR, AKTIVITI LAIN YANG BOLEH DILAKUKAN DI SINI ADALAH MERENTASI HUTAN HUJANNYA YANG TEBAL DAN BUKIT YANG CURAM MELALUI DENAI YANG BERKEPANJANGAN 3.5 KM.DENGAN MENEMPUHI LALUAN INI, ANDA AKAN SAMPAI KE PANUBA BAY DAN AYER BATANG ATAUPUN KAMPUNG ABC. MASA YANG DIAMBIL UNTUK MERENTASI LALUAN YANG DIKELILINGI FLORA DAN FAUNA INI ADALAH DALAM SEKITAR 2 JAM. JANGAN LUPA UNTUK BERPAKAIAN DAN BERKASUT YANG SESUAI.



## KG TEKEK

KAMPUNG TEKEK ADALAH LOKASI YANG PALING PENTING DI TIOMAN, BUKAN HANYA KERANA IANYA MERUPAKAN KAWASAN PERKAMPUNGAN TERBESAR DI TIOMAN TAPI JUGA KERANA PERANANNYA SEBAGAI PUSAT PENTADBIRAN UNTUK PULAU INI.SEBAGAI SEBUAH KAWASAN YANG PENTING, KAMPUNG TEKEK MEMPUNYAI FASILITI YANG CUKUP SEMPURNA. ANTARA YANG TERDAPAT DI SINI ADALAH PEJABAT IMIGRESEN, BANK, BANGUNAN KERAJAAN, SEKOLAH, KLINIK, MASJID, KEDAI-KEDAI MAKAN DAN BANYAK LAGI. SELAIN ITU, KAMPUNG TEKEK JUGA ADALAH JALAN MASUK UTAMA UNTUK KE TIOMAN SAMA ADA MELALUI PENGANGKUTAN LAUT ATAUPUN UDARA.

# ANTARA TEMPAT-TEMPAT MENARIK DI PULAU TIOMAN

EDISI 6/ JUN 2023



## GUNUNG NENEK SEMUKUT

LIHAT SAHAJA BENTUK GUNUNG INI, BAYANGKANLAH KESUKARAN UNTUK MENDAKI MENUJU KE KAWASAN PUNCAKNYA. UNTUK PENGETAHUAN, HAMPIR KESELURUHAN LALUAN MENUJU KE PUNCAK MEMERLUKAN PENDAKIAN.JADI, PASTIKAN STAMINA BETUL-BETUL MANTAP SEBELUM CUBA UNTUK MENAKLUKI GUNUNG INI.SEKIRANYA ANDA ADALAH DALAM GOLONGAN ORANG YANG BERANI UNTUK MENEMPUHI CABARAN YANG DITAWARKAN GUNUNG NENEK SEMUKUT, MAKA ANDA DAPAT MELIHAT PELBAGAI SPESIES FLORA DAN FAUNA YANG EKSOTIK DENGAN LEBIH DEKAT.



## GUNUNG KAJANG

KALAU GUNUNG NENEK SEMUKUT ADALAH GUNUNG YANG PALING SUKAR UNTUK DITAKLUKI KERANA KECURAMANNYA, GUNUNG KAJANG PULA MENAWARKAN CABARAN YANG BERBEZA KEPADA PENCINTA AKTIVITI LASAK KERANA KETINGGIANNYA YANG MENCECAH AWAN IAITU 1038 METER! INILAH PUNCAK YANG TERTINGGI DI PULAU TIOMAN. KEDUDUKANNYA YANG BERADA DI TENGAH-TENGAH PULAU TIOMAN MENJADIKAN IA SEBAGAI ‘TULANG’ UTAMA PULAU INDAH INI.BANYAK FAKTA MENARIK UNTUK DICERITAKAN MENGENAI GUNUNG YANG GAH INI. PERTAMA, GUNUNG INI TURUT DIPANGGIL SEBAGAI PALM FROND MOUNTAIN YANG MANA PADA SUATU KETIKA DAHULU IA PERNAH MENJADI MERCU TANDA BAGI PELAYAR-PELAYAR ARAB DAN CHINA SEHINGGAKAN NAMA GUNUNG INI DISEBUT DALAM PETA PELAYARAN.



## TAMAN MARIN

GUGUSAN PULAU TIOMAN TELAH DIWARTAKAN SEBAGAI TAMAN MARIN BAGI MELINDUNGI HIDUPAN MARINNYA YANG AMAT BERHARGA. PERAIRAN DI TIOMAN INI MERUPAKAN HABITAT KEPADA HIDUPAN LAUT YANG INDAH DAN PUSAT TAMAN MARIN INI TERLETAK DI ANTARA KAMPUNG TEKEK DAN AIR BATANG DAN DIURUSKAN OLEH KEMENTERIAN PERIKANAN SEBAGAI SEBUAH KAWASAN PERLINDUNGAN, HANYA AKTIVITI-AKTIVITI TERTENTU SAHAJA DIBENARKAN SEPERTI SNORKEL, SELAMAN SKUBA, BERENANG DAN TANGKAPAN GAMBAR DASAR LAUT.KUMPULAN TERUMBU KARANG YANG BERWARNA-WARNI.



## BATU MALANG

KAWASAN PERAIRANNYA TERDAPAT BANYAK PEMBENTUKAN BATU KARANG YANG MENARIK. SPESIES IKAN YANG BOLEH DITEMUI JUGA TERAMATLAH BANYAK DAN ANTARANYA ADALAH IKAN BARRACUDA, BUTTERFLY FISH, CLOWNFISH (IKAN NEMO), CUTTLEFISH, LION FISH, PARROTFISH DAN BANYAK LAGI IKAN BERWARNA-WARNI YANG LAIN. PERCAYALAH, PENEROKAAN BAWAH AIR SEKITAR BATU MALANG INI SUNGGUH MENGUJAKAN.

# SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDIL ADHA






EDISI 7/ JULAI 2023

# BULETIN

## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN



AHLI LEMBAGA PENGARAH LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

Bawah dari kiri : YH Dato' Sri Haji Wan Abdullah Bin Wan Salleh, YH Dato' Sri Haji Mohd Johari Bin Hussain, Menteri Besar Pahang, Y.A.B Dato' Sri Wan Rosdy Bin Wan Ismail SSAP., SUMV., DSAP., DIMP., SMP., AMP, YH. Dato' Indera Haji Zulkifli bin Yaacob, YH Dato' Sri Maznah Binti Mazlan, YBhg. Datuk Zamri Bin Mat Zin

Atas dari kiri : Pn. Misjijah binti Marul, YH Dato' Haji Md. Rusli Bin Ismail, Encik Mohd Azlan Bin Zakaria, YH Dato' Ahmad Nasim Bin Dato' Haji Mohd Sidek, YH Dato' Haji Idros Bin Yahya, YBhg. Datin Hajah Shamsiah Binti Haji Arshad

# LAWATAN KE "THE BENTONG FARM" JALAN CHAMANG, 28700 BENTONG, PAHANG DARUL MAKMUR

12 JULAI 2023/RABU







Lembaga Pembangunan Tioman telah membuat satu lawatan belajar ke "The Bentong Farm" pada 12 Julai 2023. Lawatan ini diketuai oleh YH. Dato' Haji Idros bin Yahya, Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman dan turut serta Encik Muhammad Zikri bin Zaini, Penolong Jurutera Awam dan Encik Muhamad Shaher bin Rahman, Penolong Jurutera Makanikal.

Lawatan ini adalah bertujuan untuk pemerhatian dan pembelajaran pengurusan taman pelanduk yang sedang di dalam cadangan pembinaan di Kg. Juara, Pulau Tioman. Selain itu, pembelajaran bagi pengurusan landskap dan pemerhatian contoh ikon dan papan tunjuk arah yang boleh diaplikasikan di Pulau Tioman.













# HARI BERTEMU PELANGGAN BERSEPADU BIL.2/2023







**11 JULAI 2023 (SELASA)**
**KOMPLEKS TERMINAL TEKEK, KG TEKEK, PULAU TIOMAN**







Pada 11 hingga 13 Julai 2023 telah diadakan PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN BERSEPADU 2023, ANJURAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN DAN PELBAGAI AGENSI & PERKHIDMATAN KAUNTER BERGERAK bertempat di Kompleks Terminal Tekek Pulau Tioman. Program ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara agensi/ jabatan dan juga penduduk di Pulau Tioman. Hal ini juga bagi memudahkan masyarakat menyelesaikan beberapa urusan tanpa perlu keluar ke tanah besar. Di samping itu juga, PERKHIDMATAN KAUNTER BERGERAK turut diadakan di setiap kampung (kecuali Kg. Air Batang) bagi memudahkan urusan masyarakat tanpa perlu ke pusat Hari Bertemu Pelanggan (di Kampung Tekek) dan ke tanah besar.

Antara agensi/ jabatan yang terlibat adalah

- Lembaga Pembangunan Tioman
- Pejabat Agama Islam Rompin
- Suruhjaya Syarikat Malaysia(SSM)
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- Perkeso Negeri Pahang
- Pusat Kutipan Zakat Pahang
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDNHEP)
- Pejabat Wakaf Negeri Pahang
- Kolej Yayasan Pahang(KYP SKILLS)
- Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah(UNIPSAS)
- Pejabat Veterinar Kampung Tekek
- Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia
- Pejabat Kesihatan Daerah Rompin
- Alam Flora Sdn Bhd

# HARI BERTEMU PELANGGAN BERSEPADU BIL.2/2023

**12 JULAI 2023 (RABU)**
**KOMPLEKS TERMINAL KG SALANG, PULAU TIOMAN**






**12 JULAI 2023 (RABU)**
**BILIK MESYUARAT AMAN TIOMAN RESORT, KG PAYA , PULAU TIOMAN**






# HARI BERTEMU PELANGGAN BERSEPADU BIL.2/2023

**12 JULAI 2023 (RABU)**
**BILIK MESYUARAT JKKK KG GENTING, PULAU TIOMAN**







**12 JULAI 2023 (RABU)**
**BALAI RAYA KG MUKUT , PULAU TIOMAN**











# KULIAH MAGHRIB BERSAMA YH.PROF.MADYA DATO' DR. HAJI MOHD ZAWAVI BIN ZAINAL ABIDIN (NAIB CANSELOR UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH)

12 JULAI 2023/RABU














# LAWATAN RASMI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH PANTAI TIMUR (ECERDC) KE PULAU TIOMAN

14 JULAI 2023/JUMAAT





Lembaga Pembangunan Tioman telah menerima kunjungan rasmi dari Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Wilayah Pantai Timur pada 14-15 Julai 2023. Lawatan ini diketuai oleh YBhg. Dato Baidzawi Che Mat, Ketua Pengarah Eksekutif ECERDC dan turut disertai oleh Pengurus Besar Bahagian Implimentasi Projek ECERDC iaitu Encik Arizan bin Ariffin, Pengurus Besar Bahagian Kewangan ECERDC, Encik Izam Iskandar bin Ismail, Pengurus Besar ECERDC Pahang, Dato Mohd Mazlan bin Sharudin dan Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman, Dato Haji Idros bin Yahya.

Lawatan ini adalah bertujuan untuk melihat serta membuat pemantauan projek-projek yang telah siap dilaksanakan dan yang sedang berjalan di bawah peruntukan Dana Real Estate Tourism Fund (RETF) ECERDC. Sebanyak 12 projek yang telah dilaksanakan di bawah dana ini dan dari itu, 11 projek telah siap dilaksanakan. Kos keseluruhan peruntukan yang diterima adalah sebanyak RM28.9 juta.







# SESI PERBINCANGAN BERKENAAN GUGUSAN PULAU SERI BUAT, PAHANG PADA 17 JULAI 2023

17 JULAI 2023/ISNIN





Pada 17 Julai 2023 (Isnin) telah diadakan satu sesi perbincangan bersama Perbadanan Taman Negeri Pahang yang diwakili oleh Encik Zainal Abidin bin Othman (Ketua Pegawai Operasi G52) berkenaan gugusan Pulau Seri Buat yang berpotensi untuk dijadikan kawasan Taman Negeri di bawah pengurusan dan pentadbiran Perbadanan Taman Negeri Pahang. Sesi perbincangan ini bertujuan untuk mengumpulkan dan mendapatkan maklumat berkaitan gugusan kepulauan Seri Buat serta membincangkan potensi usahasama dengan pihak Lembaga Pembangunan Tioman ke arah proses pewartaan sebagai Taman Negeri yang lebih efektif dan potensi hasil baharu kepada negeri.



# MAJLIS RINGKAS PELANCARAN KAD DEBIT BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN) OLEH YAB. MENTERI BESAR PAHANG, DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

18 JULAI 2023/SELASA

Majlis Ringkas Pelancaran Kad Debit Bank Simpanan Nasional (BSN) oleh YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail telah diadakan sebelum Mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Tioman pada 18 Julai 2023 bertempat di Corus Hotel Kuala Lumpur. Majlis ini turut disaksikan oleh semua Ahli Lembaga Pengarah yang hadir pada Mesyuarat Lembaga kali ini. Terima kasih diucapkan kepada BSN yang menjadikan Tioman sebagai latar belakang kad debit BSN dan ianya secara tidak langsung dapat mempromosikan Tioman secara percuma. Dengan inisiatif ini, diharap dapat menggalakkan pembukaan akaun BSN oleh penduduk dan peniaga Pulau Tioman seterusnya menyokong pelaksanaan "cashless" di Pulau Tioman.









# MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN KALI KE EMPAT PULUH TUJUH (BIL. 3/2023)

18 JULAI 2023/SELASA





Mesyuarat Lembaga kali ini dihadiri oleh semua Ahli Lembaga Pengarah seramai 10 orang termasuk seorang Ahli Turut Hadir. Tahniah diucapkan kepada YH. Dato' Indera Haji Zulkifli bin Yaacob yang dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga yang baru selaras dengan pelantikan beliau sebagai YB. Setiausaha Kerajaan Pahang pada 2 Mei 2023 yang lalu menggantikan YH. Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak yang telah bersara wajib pada 27 April 2023. Terima kasih juga kepada YH. Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak di atas segala sumbangan bakti beliau sepanjang menjadi Timbalan Pengerusi Lembaga Pembangunan Tioman sebelum ini.

Tahniah juga diucapkan kepada Pn. Misjijah binti Marul, Setiausaha Bahagian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia (MAFI) yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Tioman mewakili kementerian menggantikan YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid yang telah bertukar ke Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia pada 17 Januari 2023 yang lalu.



# MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN KALI KE EMPAT PULUH TUJUH (BIL. 3/2023)

18 JULAI 2023/SELASA









# PROJEK CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY "WAKE UP TIOMAN!" DI BAWAH PROGRAM CEO@FACULTY

20 JULAI 2023/KHAMIS




Lembaga Pembangunan Tioman telah dijemput sebagai rakan kerjasama dalam projek corporate social responsibility (CSR) yang julung kali diadakan anjuran JPT pada tahun ini. Pihak JPT ini memaklumkan bahawa, kumpulan peserta fasa 1 Program Sangkutan CEO@Faculty yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah universiti dan pegawai tertinggi universiti. Projek "Wake Up Tioman!" diadakan pada 20 Julai 2023 di Tapak Semai milik Lembaga Pembangunan Tioman, Kampung Tekek, Pulau Tioman.

Program ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Sharil bin Abdullah Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi. Seramai 50 orang terlibat dalam menjayakan program ini. Projek ini merupakan salah satu inisiatif untuk menyumbang kepakaran dan teknologi yang terdapat di Institusi Pendidikan Tinggi untuk dimanfaatkan bersama masyarakat dengan tujuan untuk menangani kesan perubahan iklim di Pulau Tioman melalui inovasi sosial.









# PROJEK CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY "WAKE UP TIOMAN!" DI BAWAH PROGRAM CEO@FACULTY

20 JULAI 2023/KHAMIS















# EXIT CONFERENCE PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN DI WISMA AUDIT, JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PAHANG

26 JULAI 2023/RABU










Pada 26 Julai 2023, telah diadakan Exit Conference Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 Lembaga Pembangunan Tioman di Wisma Audit, Jabatan Audit Negara, Negeri Pahang.

Seramai 6 orang wakil dari Lembaga Pembangunan Tioman, 6 orang wakil JANNP dan 4 orang wakil Firma Audit Swasta dari Tetuan Mohamed Asri & Co menghadiri Exit Conference tersebut.

Keputusan bagi pensijilan Penyata Kewangan Lembaga akan ditandatangani oleh Ketua Audit Negara dan akan diketahui dalam jangka masa terdekat.

# PROGRAM SEMBANG TOGETHER MFAR

27 JULAI 2023/KHAMIS












Pada 27 Julai 2023, bertempat di Damai Tioman Resort, Kampung Genting, Pulau Tioman telah diadakan Program Muslim-Friendly Tourism and Hospitality Assurance and Recognition (MFAR) dengan kerjasama di antara Lembaga Pembangunan Tioman, Islamic Tourism Centre, Jabatan Agama Islam Pahang serta mendapat sokongan dari Malaysia Budget Hotel Association (MyBHA) dan Malaysian Association of Hotels (MAH).

Program ini memberi pendedahan lebih lanjut bagaimana pemain industri di Pulau Tioman boleh memperoleh kelebihan daya saing dan kebolehpasaran untuk berkembang dalam pasaran pelancong Muslim dengan program pengiktirafan ITC yang dinamakan sebagai MFAR ini.

Selain itu, para peserta turut menerima satu sesi taklimat dari Bahagian Pengurusan Halal JAIP berkenaan pensijilan Halal di Resort dan Restoran mereka.

Seramai 35 orang peserta telah menghadiri program MFAR yang diadakan pada kali ini.

# PROGRAM SEMBANG TOGETHER MFAR

27 JULAI 2023/KHAMIS










# MAJLIS PENYAMPAIAN PELAMPUNG KESELAMATAN (LIFEBUOY)

27 JULAI 2023/KHAMIS






Pada 26 Julai 2023 yang lalu, Majlis Penyampaian Pelampung Keselamatan (lifebuoy) telah dijalankan di Jeti Kg Genting, Pulau Tioman. Pembelian pelampung ini menggunakan hasil kutipan FI KELESTARIAN yang dikutip oleh Lembaga Pembangunan Tioman dan pelampung ini akan disediakan di jeti penumpang setiap kampung . Dana yang dikutip akan disalurkan semula kepada masyarakat Pulau Tioman.Majlis ini dihadiri oleh Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman, Dato' Haji Idros Bin Yahya. Turut hadir Persatuan Hotel Budget Malaysia(MYBHA) dan juga Persatuan Hotel Malaysia(MAH). Pelampung ini akan diberikan kepada setiap kampung di Pulau Tioman dan akan diselenggara oleh JPKK Kg masing-masing.









# INSPEKTORAT KESELAMATAN PERLINDUNGAN SUSULAN DI LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN OLEH PENGARAH CGSO PAHANG

27 JULAI 2023/KHAMIS

Lawatan Inspektorat Keselamatan Perlindungan Susulan di Lembaga Pembangunan Tioman, Cawangan Pulau Tioman telah dilaksanakan oleh Pengarah CGSO Pahang, Encik Mohd Tanazi bin Kassim, Penolong Pegawai Keselamatan CGSO Pahang, Encik Wan Mohd Fairulhisham bin Wan Mohd Fauzee serta dua (2) orang Pembantu Keselamatan CGSO Pahang iaitu Encik Fauzi bin Zaidi dan Encik Nor Shahnaz bin Kamal Razeman pada 27 Julai 2023. Perbincangan telah diadakan di Bilik Mesyuarat, Pusat Pentadbiran Pulau Tioman, Kg. Tekek, Pulau Tioman yang diurusetiakan oleh Pengurus Khidmat Pengurusan, Puan Nor Zaihan binti Othman bersama dengan dua (2) orang anggota di Unit Pentadbiran, Bahagian Khidmat Pengurusan dan juga enam (6) anggota di Bahagian Perbandaran dan Kerajaan Tempatan yang berkenaan.






Inspektorat Keselamatan Perlindungan Susulan ini dilaksanakan bagi melihat status semasa bagi pematuhan kepada isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan di Lembaga Pembangunan Tioman, Cawangan Pulau Tioman pada 19 Julai 2022 yang lalu. Isu-isu berbangkit yang berada di bawah bidang kuasa Lembaga Pembangunan Tioman telah pun diambil tindakan sewajarnya bagi memenuhi kriteria Pematuhan Keselamatan Perlindungan yang telah digariskan.







# MAJLIS SELUHUR BUDI, SEJAMBAK KENANGAN PERSARAAN ENCIK SALLEH BIN IBRAHIM

27 JULAI 2023/KHAMIS

Pada malam 27 Julai 2023, Pengurusan Lembaga telah mengadakan Majlis Seluhur Budi Sejambak Kenangan bagi meraikan persaraan anggota perkhidmatan Lembaga iaitu Encik Salleh bin Ibrahim yang telah bersara wajib 60 tahun mulai 26 Julai 2023.

Majlis ini diadakan bagi menzahirkan penghargaan dan terima kasih di atas komitmen, dedikasi serta sumbangan beliau sepanjang berkhidmat di Lembaga Pembangunan Tioman ini mulai 2 Mei 1998 sehingga ke tarikh persaraan iaitu menjangkau 25 tahun.

Sepanjang perkhidmatan, beliau telah menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang dan sentiasa melibatkan diri secara aktif di dalam pelbagai aktiviti/program yang dilaksanakan oleh Pengurusan Lembaga Pembangunan Tioman dan juga Kelab Keluarga, Sukan dan Kebajikan Lembaga Pembangunan Tioman.

Semoga Encik Salleh bin Ibrahim sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik serta dapat menjalani kehidupan selepas persaraan dengan penuh keceriaan dan kebahagiaan.

Selamat ulangtahun kelahiran ke 60 tahun, selamat bersara dan selamat maju jaya diucapkan kepada Encik Salleh bin Ibrahim di dalam apa jua bidang yang diceburi selepas persaraan ini. Semoga dirahmati Allah dan menjalani kehidupan yang bahagia di samping keluarga tersayang.


















EDISI 8/ OGOS 2023

# BULETIN

## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN




## PERKARA YANG PERLU BUAT DI PULAU TIOMAN

- MEMPELAJARI CARA MENYELAM SKUBA
- LAWATAN KE TAMAN LAUT PULAU TIOMAN
- JALAN-JALAN DI PANTAI DI SETIAP KAMPUNG
- MEMPELAJARI “SURFING” DI PANTAI KG JUARA
- MELIHAT DAN MENDATANGI  KAMPUNG CHAMELEON
- MELIHAT RAFFLESIA DI KAMPUNG JUARA
- MENDAKI PUNCAK NENEK SEMUKUT
- MANDI MANDA DI AIR TERJUN ASAH
- MELIHAT KEINDAHAN PULAU - PULAU BERHAMPIRAN PULAU TIOMAN

## SELAMAT DATANG KE PULAU TIOMAN

# PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT REACHING OUT2U LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN BERSAMA UIAM DAN SEKOLAH-SEKOLAH DI PULAU TIOMAN

EDISI 8/ OGOS 2023

5 OGOS 2023/SABTU







Pada 5 Ogos 2023 telah diadakan Program Khidmat Masyarakat: Reaching Out 2U anjuran
Majlis Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman Mahallah Ummu Kalthum, UIA Kuantan dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Tioman serta Klinik Kesihatan Tekek. Program ini bertujuan memberi pendedahan tentang kepentingan saringan awal kesihatan dan menjalani amalan hidup sihat kepada penduduk Kampung Tekek, Pulau Tioman.
Terdapat pelbagai aktiviti menarik yang telah diadakan. Antaranya adalah saringan kesihatan, pendidikan kesihatan, ceramah penyusuan ibu, pertandingan mewarna kanak-kanak, pameran kesihatan dan cabutan bertuah. Anggaran kehadiran pengunjung ke program ini adalah seramai 250-300 orang.





# PROGRAM CASHLESS SOCIETY BSN BERSAMA LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

EDISI 8/ OGOS 2023

6 OGOS 2023/AHAD


















# PROGRAM CASHLESS SOCIETY BSN BERSAMA LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

EDISI 8/ OGOS 2023

7 OGOS 2023/ISNIN

Dalam usaha untuk menjadikan Pulau Tioman sebagai Pulau digital pertama di Malaysia, Lembaga Pembangunan Tioman telah berkerjasama dengan Bank Simpanan Nasional untuk merealisasikan usaha tersebut. Bank Simpanan Nasinal telah memberikan sebanyak 9 unit terminal post kepada peniaga-peniaga, pengusaha chalet dan resort bagi memudahkan sistem pembayaran dijalankan. Bank Simpanan Nasional juga berbesar hati memberikan sumbangan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Tekek bernilai RM10.000.00. Dengan adanya program seperti ini, Pulau Tioman akan lebih maju dan akan lebih ke hadapan dari pusat pelancongan lain.











# PROGRAM LITERASI KEWANGAN DIGITAL ANJURAN JARINGAN PENDIDIKAN KEWANGAN (FEN) DAN AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (APKP)

EDISI 8/ OGOS 2023

8 OGOS 2023/SELASA

Program ini dijalankan bagi memberikan kesedaran kepada Masyarakat Pulau Tioman tentang pendidikan kewangan serta menerangkan kepentingan kewangan digital dalam ekonomi dan kemudahan yang diterima daripada penggunaan kewangan digital.Selain itu, Program ini juga membantu masyarakat mengenal bagaimana cara kerja penipuan atas talian bagi mengelakkan ia berlaku pada masyarakat sekarang.Program ini dihadiri dari pelbagai agensi kewangan seperti Bank Simpanan Nasional, Bank Negara, Amanah Saham Berhad, Malaysia Productivity Corporation(MPC), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta pelbagai agensi lain.









# PROGRAM LITERASI KEWANGAN DIGITAL ANJURAN JARINGAN PENDIDIKAN KEWANGAN (FEN) DAN BANK NEGARA



8 OGOS 2023/SELASA













# LAWATAN TAPAK DAN SESI PERBINCANGAN BERSAMA AGENSI TEKNIKAL BAGI PROJEK MENAIK TARAF LAPANGAN TERBANG TIOMAN, KG. TEKEK



12 OGOS 2023/SABTU





Pada 12 Ogos 2023 (Sabtu) satu sesi Lawatan Tapak dan Perbincangan Bersama Agensi Teknikal Bagi Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Tioman, Mukim Tioman, Daerah Rompin, Pahang telah diselaraskan oleh Pihak Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) Pahang dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Tioman. Lawatan yang diketuai oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), YH. Dato'Ali Syahbana Bin Sabaruddin turut dihadiri oleh Pengurus Besar TDA, pegawai - pegawai dari Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Pahang, PSK, PLANMalaysia Pahang, Pejabat Daerah dan Tanah Rompin serta TDA. Sesi lawatan tapak ini diadakan bertujuan untuk melihat potensi dan halangan untuk menaiktaraf lapangan terbang sedia ada bagi membolehkan penerbangan berskala lebih besar dan menerima kedatangan pelancong yang lebih ramai serta merancakkan ekonomi dan pembangunan di Pulau Tioman.










# HARI BERTEMU PELANGGAN BERSEPADU 2023

EDISI 8/ OGOS 2023

15 OGOS 2023/SELASA







Pada 15 hingga 17 Ogos 2023 telah diadakan Program Hari Bertemu Pelanggan Bersepadu 2023 anjuran Lembaga Pembangunan Tioman dan pelbagai agensi. Program ini dilaksanakan selama tiga hari bertempat di Kampung Tekek, Pulau Tioman. Dalam masa yang sama, Perkhidmatan Kaunter Bergerak (mobile) juga turut diadakan di Kampung Genting dan Kampung Salang selama dua hari iaitu pada 15 & 16 Ogos 2023. Program ini turut disertai oleh Pejabat Agama Islam Daerah Rompin, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (Daerah Rompin), Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia, Pejabat Tenaga Kerja Pekan, Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja, Agro Bank Rompin dan Maybank Rompin. Anggaran kehadiran pelanggan/pengunjung ke program ini adalah seramai 150-250 orang.

## KOMPLEKS TERMINAL KAMPUNG TEKEK







# HARI BERTEMU PELANGGAN BERSEPADU 2023

EDISI 8/ OGOS 2023

16 OGOS 2023/RABU

## BILIK MESYUARAT JKKK KG GENTING










## KOMPLEKS TERMINAL KG SALANG










# MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN TEKNIKAL KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH ROMPIN, PAHANG 2035 (PENGGANTIAN)

EDISI 8/ OGOS 2023

21 OGOS 2023/ISNIN

Pada 21 Ogos 2023 (Isnin) telah diadakan satu sesi Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Bil 02/2023 Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian) Peringkat Laporan Analisis Dan Strategi Pembangunan 1 bertempat di Bilik Mesyuarat Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Indera Mahkota Kuantan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pahang, TPr Nik Noraisu binti Nik Ibrahim dan dihadiri oleh Dato' Haji Idros bin Yahya, Pengurus Besar, Lembaga Pembangunan Tioman selaku Pengerusi bersama serta 30 agensi dan jabatan di peringkat daerah dan negeri.

Sesi mesyuarat ini dijalankan bagi membolehkan pasukan perunding membentangkan Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP) 1 yang mengandungi profil dan inventori keadaan semasa mengikut 16 sektor kajian serta data sekunder hasil kajian lapangan bagi Daerah Rompin termasuk gugusan Pulau Tioman. Hasil daripada mesyuarat tersebut, beberapa perkara telah ditambah baik dan dimuktamadkan bagi penambahbaikan laporan yang disediakan oleh pasukan perunding.







# BENGKEL PENYEDIAAN BAJET DAN SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT)

EDISI 8/ OGOS 2023

22 OGOS 2023/SELASA





Pada 22hb hingga 24 Ogos 2023 telah berlangsungnya Bengkel Penyediaan Bajet dan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang diadakan di Swiss Garden Resort Genting Highland. Seramai 23 kakitangan Lembaga yang terdiri daripada Ketua-Ketua Bahagian, Ketua Unit dan kakitangan yang terlibat secara langsung dengan bajet dan SKT menghadiri bengkel ini.

Bengkel tahunan Lembaga ini bertujuan untuk menyelaraskan bajet hasil dan belanja setiap bahagian sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Tioman







# LAWATAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN KE BENTONG FARM

EDISI 8/ OGOS 2023

22 OGOS 2023/SELASA



















# SAMBUTAN AMBANG KEMERDEKAAN 2023 ANJURAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

EDISI 8/ OGOS 2023

30 OGOS 2023/RABU


















# SAMBUTAN KEMERDEKAAN 2023 ANJURAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

EDISI 8/ OGOS 2023

31 OGOS 2023/KHAMIS



Sambutan Hari Kebangsaan yang ke 66 Peringkat Pulau Tioman telah diadakan pada 30 dan 31 Ogos 2023. Pada malam sambutan ambang merdeka pelbagai acara diadakan antaranya bacaan surah Yassin di Masjid Kg. Tekek, Ceramah Agama, Cabutan Bertuah, Kuiz Kemerdekaan serta dimeriahkan lagi dengan Pertandingan Sidecar Berhias, Basikal Berhias dan Gerai Jualan Berhias. Penutup acara pada malam itu adalah perarakan konvoi bermotor oleh belia-belia tempatan dengan mengibarkan jalur gemilang.



Pada 31 Ogos 2023 perarakan hari kemerdekaan yang disertai oleh tujuh (7) kontinjen termasuk agensi kerajaan dan swasta di Pulau Tioman iaitu seramai 118 peserta. Selain dari itu, perarakan melalui laut turut diadakan dengan perarakan kayak dan bot berhias. Sambutan kemerdekaan dimeriahkan lagi dengan acara mewarna dan melukis untuk kanak-kanak, pertandingan kayak dan bot berhias. Program-program yang telah diatur bertujuan menaikkan semangat cintakan Negara bagi warga Pulau Tioman dan juga pelancong dapat merasai pengalaman yang menarik ketika sambutan kemerdekaan diadakan.







# SEKITAR SAMBUTAN KEMERDEKAAN 2023 ANJURAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

EDISI 8/ OGOS 2023

31 OGOS 2023/KHAMIS

















# BULETIN

EDISI 9 / SEPTEMBER 2023

## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN




START IN TIOMAN 2023



# KERJA-KERJA PEMASANGAN BENDERA DAN KUTIPAN SAMPAH DI PULAU SERI BUAT

EDISI 9 / SEPTEMBER 2023

4 SEPTEMBER 2023/ISNIN

Pulau Seri Buat yang terletak di Rompin, Pahang di mana pantainya memutih, sesuai untuk aktiviti snorking selain boleh melakukan hiking. Untuk ke sini hanya memakan masa 45 minit sahaja menaiki bot dari jeti Teluk Gading. Terletak dalam daerah Rompin yang terkenal dengan Pulau Tioman, inilah tempat pelancongan yang indah selain terdapat pulau-pulau lain seperti Pulau Sembilang, Pulau Raja, Pulau Tulai, Pulau Layak dan beberapa pulau kecil lagi di sekitarnya.

Pulau Seri Buat adalah bawah jagaan Lembaga Pembangunan Tioman. Lembaga Pembangunan Tioman menyediakan beberapa fasiliti seperti tangga hiking, handrailing dan lain-lain. Pihak Lembaga Pembangunan Tioman melaksanakan kerja baikpulih dan pembersihan secara berkala.















# KURSUS MOBILEGRAFI DI KAMPUNG AIR BATANG, PULAU TIOMAN

EDISI 9 / SEPTEMBER 2023

5 SEPTEMBER 2023/SELASA

Satu bengkel Mobilegrafi Media Sosial anjuran Lembaga Pembangunan Tioman yang dihadiri oleh petugas Lembaga Pembangunan Tioman, Pengusaha Chalet Pulau Tioman dan juga Usahawan Pulau Tioman. Bengkel ini bertujuan untuk memberikan para peserta kemahiran menggunakan handphone sebagai medium untuk menghasilkan satu video yang baik bagi sesuatu produk yang diniagakan.
















# START IN TIOMAN (SIT) 2023

## EDISI 9 / SEPTEMBER 2023

7 SEPTEMBER 2023/KHAMIS

Acara Start In Tioman telah mula dianjurkan sejak 13 tahun yang lalu ini bertujuan mempromosikan Pulau Tioman sebagai destinasi unggul bagi mengambil lesen dan memulakan aktiviti selam skuba di Malaysia.

Selain aktiviti selaman, aktiviti berasaskan eko pelancongan, voluntourism serta edutourism turut diadakan bagi mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan memulihara ekologi dan biodiversity marin serta eko pelancongan daratan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah hiking ke Air Terjun Asah, CSR Sungai Air Taling, Underwater Clean Up- Marine Debris serta gotong-rotong di SK Mukut bersama penduduk setempat. Tidak ketinggalan acara sukaneka rakyat turut diadakan bersama penduduk Kampung Mukut.

Acara pada tahun ini telah disertai oleh 96 orang peserta yang mana terdiri dari;
17 orang - Open Water Dive Course
35 orang - Diver
44 orang - Non Diver












# START IN TIOMAN (SIT) 2023

EDISI 9 / SEPTEMBER 2023

7 SEPTEMBER 2023/JUMAAT


















# SEMUKUT+ISM INTERNATIONAL ART CAMP 2023

EDISI 9 / SEPTEMBER 2023

7 SEPTEMBER 2023/KHAMIS






Semukut +ISM International Art Camp 2023 Jilid IV adalah nama yang dipilih bagi Program +ISM (Pahang) pada kali ini. Nama “Semukut” dipilih sempena nama puncak berkembar Pulau Tioman yang menjadi identiti unik bagi Pulau Tioman. Penganjuran program ini memperlihatkam jalinan kerjasama komuniti yang dirancang khusus bagi mencapai matlamat dasar-dasar kerajaan melalui aktiviti-aktiviti kesenian khususnya.

Antara objektif penganjuran program ini adalah untuk mendedahkan komuniti penduduk setempat kepada pendidikan dan amalan seni melalui program dan aktiviti seni yang disediakan, merancakkan kembali peranan aktiviti kesenian dan sektor kebudayaan serta industri kreatif negara yang dapat menjana ekonomi penduduk tempatan khusus dalam sektor pelancongan.

Selain itu, program ini menjadi pemangkin untuk memupuk kerjasama dan libatsama antara komuniti setempat bersama peserta program untuk menghasilkan karya kreatif dengan kreativiti masing-masing. Dalam masa yang sama pihak ASWARA juga dapat mengumpul data bagi tujuan penerbitan buku berkonsepkan seni visual sebagai rujukan di masa hadapan.

Antara aktiviti yang berlangsung sepanjang 4 hari 3 malam ini adalah Bicara Seni, Eksplorasi Seni bersama Komuniti, Master Class: Seni Cetakan, Bengkel Seni: Arca Pasir, Eco Prints, Cetakan Alternatif, Eco Sculpture dan Catan Cat Air.





# SEMUKUT+ISM INTERNATIONAL ART CAMP 2023

EDISI 9 / SEPTEMBER 2023

7 SEPTEMBER 2023/KHAMIS



















# LAWATAN TAPAK DAN PERBINCANGAN BAGI KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH ROMPIN, PAHANG 2035 (PENGGANTIAN)

EDISI 9 / SEPTEMBER 2023

11 SEPTEMBER 2023/ISNIN

Pada 11 September 2023 (Isnin) hingga 13 September 2023 (Rabu) satu sesi Lawatan Tapak bersama pihak PLANMalaysia, Pejabat Projek ZonTimur, Majlis Daerah Rompin dan Perunding bagi Kajian RTD Rompin telah dijalankan di sekitar Pulau Tioman. Sesi Lawatan Tapak ini diadakan bertujuan untuk memberi gambaran mengenai keadaan semasa di Pulau Tioman serta membincangkan isu dan penemuan untuk diterjemahkan di dalam Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan 2 (LASP2) bagi Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian).
Susulan itu juga, dua mesyuarat telah diadakan di Pulau Tioman iaitu Mesyuarat Pasukan Teras Bil. 6/2023 yang diadakan pada 11 September 2023 dan Mesyuarat Verifikasi Guna Tanah Pulau pada 13 September 2023. Sesi Mesyuarat ini juga turut melibatkan wakil agensi daripada PLANMalaysia Pahang, Pejabat Projek Zon Timur, Majlis Daerah Rompin, Lembaga Pembangunan Tioman, Pejabat Daerah dan Tanah Rompin, Pejabat Penghulu Mukim Tioman dan pasukan perunding, FAZ Planning And Development Sdn. Bhd.









# EDISI 9 / SEPTEMBER 2023

17 SEPTEMBER 2023/AHAD



# INTERNATIONAL MICROPLASTIC BEACH CLEAN UP @TIOMAN 2023

EDISI 9 / SEPTEMBER 2023

20 SEPTEMBER 2023/RABU









Pada 20 September 2023 telah diadakan program International Microplastic Beach Clean Up @ Tioman 2023.Program ini dirasmikan oleh YBhg. Laksamana Pertama(M), Ahmad Faridi bin Ferdaus (Pegawai Bahagian Siasatan Jenayah Maritim ibu Pejabat Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia). Program ini dihadiri seramai 100 orang peserta dari Murid Sekolah Menengah Kebangsaan Tekek serta dari pelbagai agensi. Tujuan bagi program ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai penggunaan plastik kepada alam sekitar yang dapat membahayakan dan mencemarkan alam sekitar.





# PROGRAM CUCIRINTIS JEJAK LALUAN JUARA -GUNUNG KAJANG, PULAU TIOMAN

EDISI 9 / SEPTEMBER 2023
25 SEPTEMBER 2023/RABU

**“NEVER STOP UNTIL TOP”**

PADA 25 hingga 27 September 2023, Satu Program cucirintis jejak laluan Juara-Gunung Kajang telah diadakan yang terdiri dari 19 orang peserta daripada Lembaga Pembangunan Tioman, Jabatan Perhilitan, Jabatan Taman Laut Pulau Tioman, Polis Pulau Tioman, JPKK Pulau Tioman, Tenaga Nasional Berhad dan turut serta Penduduk Pulau Tioman.Ketinggian yang perlu dicapai ialah 1038 meter dari paras laut.

Program ini dapat mengeratkan silaturahim di antara para penduduk dan juga di antara Jabatan dan agensi di Pulau Tioman. Pelbagai spesis haiwan dan juga tumbuhan yang dapat dikenal pasti berada di laluan tersebut.













# PROGRAM CUCIRINTIS JEJAK LALUAN JUARA -GUNUNG KAJANG, PULAU TIOMAN

EDISI 9 / SEPTEMBER 2023

25 SEPTEMBER 2023/RABU











# HAPPY WORLD TOURISM DAY 2023

EDISI 9 / SEPTEMBER 2023

27 SEPTEMBER 2023/RABU



WORLD TOURISM DAY 2023
TOURISM & GREEN INVESTMENTS

Tioman
لمباݢ ڤمباڠونن تيومن

This is PAHANG
MALAYSIA
UNLIMITED

## HAPPY WORLD TOURISM DAY 2023
### 27 SEPTEMBER 2023

*Daripada :Dato' Haji Idros bin Yahya, DIMP., AMP. [Pengurus Besar] & Warga Lembaga Pembangunan Tioman*

@glory tioman | www.tioman.gov.my | tda@tioman.gov.my





# SALAM MAULIDUL RASUL
# "PERPADUAN TERAS MALAYSIA MADANI"

EDISI 9 / SEPTEMBER 2023

28 SEPTEMBER 2023/KHAMIS



# SALAM MAULIDUL RASUL
# "PERPADUAN TERAS MALAYSIA MADANI"

EDISI 9 / SEPTEMBER 2023

28 SEPTEMBER 2023/KHAMIS

Pada 28 September 2023 telah diadakan Sambutan Maulidur Rasul di Kampung Tekek, Pulau Tioman. Program ini disertai oleh kesemua jabatan/agensi serta penduduk kampung di Pulau Tioman. Jabatan/agensi yang terlibat adalah Lembaga Pembangunan Tioman, Jabatan Laut, Kastam, Klinik Kesihatan Tekek, BOMBA, Angkatan Pertahanan Awam, TABIKA, SK Tekek, SMK Tekek, Belia Tekek, Berjaya Tioman, Alam Flora, PEKIDA, Masjid Jamek Tekek, dan JKKK Tekek. Selain itu, terdapat beberapa aktiviti yang diadakan sepanjang program, iaitu perarakan (berselawat), pertandingan hafazan, pertandingan azan, pertandingan mewarna, pertandingan melukis sepanduk, aktiviti memanah dan persembahan nasyid dan sajak.




















Tioman

# BULETIN

EDISI 10 / OKTOBER 2023

## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN






# SESI PEMBENTANGAN PENCALONAN ANUGERAH PAHANG 1ST TAHUN 2023

EDISI 10 / OKTOBER 2023

5 OKTOBER 2023




5 Oktober 2023 - Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah meneruskan penganjuran Anugerah Pahang 1ST untuk edisi ke-2 bagi tahun 2023 sebagai langkah berterusan meningkatkan mutu perkhidmatan awam bagi semua Jabatan, Badan Berkanun dan Agensi di Negeri Pahang. Pada tahun 2023, pencalonan Anugerah Pahang 1ST diperluaskan kepada Jabatan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan di Negeri Pahang Darul Makmur.

Lembaga Pembangunan Tioman telah mengambil peluang menyertai pencalonan Anugerah Pahang 1ST ini buat pertama kali dalam tiga (3) kategori yang dipertandingkan iaitu Anugerah Pentadbiran Cemerlang (APEC), Anugerah Transformasi Digital (ADx) dan Anugerah Produktiviti (AP).

Sebanyak 41 organisasi telah menyertai pencalonan Anugerah Pahang 1st bagi kategori APEC, AP dan ADx. Satu (1) sesi pembentangan pencalonan APF ini telah diadakan pada 4 dan 5 Oktober 2023 di Pahang Skills Development Centre (PSDC), Semambu, Kuantan yang dinilai oleh Panel Penilai terdiri daripada wakil Malaysia Productivity Centre (MPC), Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang (BKT, SUK) dan Pahang Go. Pemarkahan dimuktamadkan melalui sesi ini dan 10 organisasi terbaik akan dipilih untuk sesi diagnosis yang akan diadakan pada November 2023.

# ROYAL PAHANG BILLFISH INTERNATIONAL CHALLENGE 2023

EDISI 10 / OKTOBER 2023

6 - 8 OKTOBER 2023

7 Oktober 2023 - Majlis Pelepasan Peserta Acara Royal Pahang Billfish International Challenge 2023 telah disempurnakan oleh En Kamaruddin Ibrahim (Pengurus Besar Tourism Pahang) dan YH. Dato' Haji Idros bin Yahya (Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman). Kejohanan berkonsepkan tangkap dan lepas ini bertujuan mempromosikan sukan memancing ikan layaran di perairan Kuala Rompin yang aktif berhijrah pada Mac hingga September setiap tahun.



Sebanyak 13 pasukan melibatkan 49 peserta termasuklah lapan peserta dari Jepun dan tiga peserta Singapura menyertai pertandingan selama tiga hari yang bermula pada 6 Oktober lepas.



Tiga kumpulan dari Malaysia mengungguli kedudukan teratas pada kejohanan kali ini dengan menampilkan Team Xzoga selaku juara dikuti Lemax Pro Team dan LXF-ROH di kedudukan kedua dan ketiga.

Manakala tempat keempat menjadi milik pasukan dari Jepun iaitu Mutapesca Sammy dan menduduki tempat kelima adalah Kohaku X Trident yang dianggotai peserta Singapura dan Malaysia.



Kejohanan RPBIC 2023 di perairan Kuala Rompin yang dikenali sebagai Billfish Capital of Asia ini menawarkan hadiah wang tunai serta peralatan memancing bernilai lebih RM71,000 keseluruhan.

# SEKITAR ACARA ROYAL PAHANG BILLFISH INTERNATIONAL CHALLENGE TAHUN 2023

EDISI 10 / OKTOBER 2023

6 - 8 OKTOBER 2023





SESI PENDAFTARAN PENYERTAAN RPBIC 2023 PADA 6 OKTOBER 2023 DI VILLEA RESORT, LANJUT, ROMPIN



SESI TAKLIMAT TEKNIKAL RPBIC 2023 PADA 6 OKTOBER 2023 DI VILLEA RESORT, LANJUT, ROMPIN



PERSIAPAN MAKAN MINUM PESERTA DAN PETUGAS TEKNIKAL

BACAAN DOA PELEPASAN



PENYERTAAN 13 PASUKAN



PENAJA-PENAJA RPBIC 2023



MAJLIS PELEPASAN PERTANDINGAN RPBIC 2023 PADA 7 OKTOBER 2023 DI JETI PANTAI BERNAS, LANJUT, ROMPIN

# SEKITAR ACARA ROYAL PAHANG BILLFISH INTERNATIONAL CHALLENGE TAHUN 2023

EDISI 10 / OKTOBER 2023

6 - 8 OKTOBER 2023













SEKITAR AKTIVITI PERTANDINGAN MEMANCING RPBIC 2023 PADA 7 & 8 OKTOBER 2023 DI PERAIRAN LANJUT, ROMPIN

# ROYAL PAHANG BILLFISH INTERNATIONAL CHALLENGE 2023

EDISI 10 / OKTOBER 2023

6 - 8 OKTOBER 2023

8 Oktober 2023 Rompin : Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mencemar duli menyempurnakan Majlis Penutup dan Pengurniaan Hadiah Royal Pahang Billfish International Challenge (RPBIC) 2023 di sini hari ini. Berangkat sama ke majlis itu Tengku Panglima Raja Kol Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah Al-Sultan Abdullah.




Turut hadir YAB Menteri Besar Pahang Datuk Seri Wan Rosdy Bin Wan Ismail; Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri, YB Leong Yu Man, Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman, Dato' Haji Idros Bin Yahaya dan Pengurus Besar Tourism Pahang, Encik Kamaruddin Bin Ibrahim.












# SEKITAR ACARA ROYAL PAHANG BILLFISH INTERNATIONAL CHALLENGE TAHUN 2023

EDISI 10 / OKTOBER 2023

6 - 8 OKTOBER 2023





**MAJLIS PENUTUP DAN PENGURNIAAN HADIAH RPBIC 2023 PADA 8 OKTOBER 2023 DI VILLEA RESORT, LANJUT, ROMPIN**





**HADIAH UTAMA DAN IRINGAN PEMENANG-PEMENANG PERTANDINGAN RPBIC 2023 (JUARA HINGGA TEMPAT KE LAPAN)**

# ROYAL PAHANG BILLFISH INTERNATIONAL CHALLENGE 2023

EDISI 10 / OKTOBER 2023

6 - 8 OKTOBER 2023

## KERATAN AKHBAR

**Sinar**

Log Masuk

Daftar

### Agong sempurnakan pengurniaan hadiah RPBIC 2023

08 Oktober 2023 10:22pm

Masa membaca: 1 minit




Al-Sultan Abdullah berkenan bergambar kenangan bersama pasukan Xzoga yang menjuarai RPBIC 2023 pada Majlis Penutup dan Pengurniaan Hadiah RPBIC 2023. - Foto Bernama

**BERITA RTM**

### RPBIC 2023 promosi sukan pancing di Kuala Rompin

Kategori: Semasa • Masa Membaca: 1 min • Jumlah kunjungan: 150




**Astro Awani**

### Agong sempurnakan Pengurniaan Hadiah Royal Pahang Billfish International Challenge 2023

Bernama




**BH Online**

### Agong sempurna majlis penutup RPBIC 2023 di Rompin

Oktober 8, 2023 @ 10:51pm



**BERNAMA.com**

### AGONG SEMPURNAKAN PENGURNIAAN HADIAH ROYAL PAHANG BILLFISH INTERNATIONAL CHALLENGE 2023



**New Straits Times**

### King graces closing, prize-giving ceremony of Billfish Int'l Challenge

By Bernama

October 9, 2023 @ 12:11am



# TIOMAN ULTRA (TU50)
# DI KG AIR BATANG, PULAU TIOMAN

EDISI 10 / OKTOBER 2023

6 - 8 OKTOBER 2023










Acara Tioman Ultra (TU50) 2023 adalah merupakan penganjuran kali pertama diadakan di Pulau Tioman. Antara objektif utama acara ini diadakan adalah untuk;

- mewujudkan laluan trail kekal disekitar Pulau Tioman yang boleh digunakan oleh pemandu pelancong tempatan diwaktu bukan acara.
- menganjur/mengadakan acara larian trail yang diiktiraf diperingkat antarabangsa.
- mempromosikan Pulau Tioman sebagai destinasi terbaharu trail running.
- mempromosikan dan menjadikan trail running sebagai satu sukan atau medium gaya hidup aktif dan sihat.
- membawa komuniti pelari trail dari seluruh dunia datang ke Pulau Tioman bagi menjalankan hobi mereka disamping menikmati budaya dan tarikan tempatan.
- mencipta peluang untuk komuniti setempat menambahkan pendapatan
- dan turut meningkatkan kesedaran dalam memelihara alam semulajadi

Penganjuran acara pada tahun ini dibahagikan kepada 3 kategori iaitu;
50 km - 67 peserta
25 km - 118 peserta
10 km - 63 peserta

Seramai 211 peserta tempatan manakala baki sebanyak 37 orang adalah peserta antarabangsa yang datang dari Perancis, Jerman, Vietnam, Jepun, USA, Britain, Brunei, Netherlands, New Zealand, Sweden, Finland, Singapura dan Australia

# TIOMAN ULTRA (TU50) DI KG AIR BATANG, PULAU TIOMAN

EDISI 10 / OKTOBER 2023

6 - 8 OKTOBER 2023











# LAWATAN KE JELAI INN BOUTIQUE HOTEL DAN EKO GAHAI, SUNGAI KOYAN, RAUB PAHANG

EDISI 10 / OKTOBER 2023

11 OKTOBER 2023





Pada 11 Oktober 2023, Lembaga Pembangunan Tioman bersama Kelab Keluarga dan Sukan Lembaga Pembangunan Tioman (KKSLPT) yang diketuai oleh Pengurus Khidmat Pengurusan dan lima (5) orang pegawai telah mengadakan satu lawatan ke Jelai Inn Boutique Hotel, Kuala Lipis. Dalam sesi lawatan kerja ini, pihak wakil Pengurusan Lembaga telah merasai sendiri pengalaman menginap di hotel ini. Pihak Majlis Daerah Lipis (MDL) dan Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Daerah Lipis (KESUMA) telah berbesar hati memberikan perkongsian tentang sejarah penubuhan dan pengurusan serta future planning Jelai Inn Boutique Hotel, Kuala Lipis. Sesi perkongsian dari MDL dan KESUMA dipengerusikan oleh Setiausaha MDL, Puan Wan Norizan Binti Badaruzzaman.

Rumah Rehat Jelai Inn Boutique Hotel di Sungai Koyan telah dirasmikan oleh YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail pada 16 Disember 2022. Hotel ini telah siap sepenuhnya pada Oktober 2022 dan diletakkan di bawah pengurusan KESUMA.

Fasa pertama hotel dengan pelan konsep berukuran dua (2) ekar ini menempatkan lapan (8) buah bilik, satu (1) bilik mesyuarat, satu (1) bilik mesyuarat VVIP dan satu (1) cafe ini dibina atas tanah milik Felda dengan peruntukan pembinaan berjumlah RM1.3 juta yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Setelah siap sepenuhnya, ianya diserahkan kepada MDL. Manakala pembelian perabot dan kelengkapan dalaman hotel dengan nilai kos RM1 juta pula dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pahang yang disalurkan kepada KESUMA.

Hotel fasa pertama ini mendapat sambutan yang baik daripada pengunjung, maka Kerajaan Negeri Pahang telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM2 juta kepada MDL untuk kerja-kerja pembinaan fasa kedua yang bakal siap pada pertengahan tahun 2024. Fasa kedua yang sedang dalam pembinaan ini bakal menyediakan kemudahan seperti 12 bilik biasa, dua (2) bilik VIP dan satu (1) dewan yang mana boleh menempatkan 150 pax dalam satu sesi.

Pengurusan hotel yang diterajui oleh KESUMA melantik empat (4) kakitangan tetap terdiri daripada seorang pengurus, dua (2) orang pekerja (kaunter dan pembersihan) dan seorang Pengawal Keselamatan.

Bagi menarik lebih ramai pengujung ke hotel ini, kerjasama yang baik telah dimeterai bersama komuniti setempat dengan menawarkan aktiviti yang melibatkan komuniti dalam pakej penginapan di sini. Antara tarikan utama di sini adalah menyusuri Sungai Jelai di Eco Gahai sambil memberi makan ikan air tawar di Santuari Ikan Kampung Tanjung Gahai. Sepanjang perjalanan, pengunjung akan dihidangkan dengan pemandangan kanopi dari pohon yang rendang, buah dan tumbuhan liar.

# LAWATAN KE JELAI INN BOUTIQUE HOTEL

EDISI 10 / OKTOBER 2023

11 OKTOBER 2023













# LAWATAN KE EKO GAHAI, SUNGAI KOYAN

EDISI 10 / OKTOBER 2023

11 OKTOBER 2023













# LAWATAN KE BILUT HILL, RAUB, PAHANG

EDISI 10 / OKTOBER 2023

11 OKTOBER 2023

Pada 11 Oktober 2023, Lembaga Pembangunan Tioman telah membuat satu lawatan ke Bilut Hill, Raub, Pahang. Pelbagai tempat menarik yang dapat diambil sebagai contoh untuk diadaptasikan di Pulau Tioman. Di antaranya ialah melihat matahari terbit, yang mana setiap pengunjung perlu untuk mendaki bukit untuk melihat matahari terbit serta awan karpet.Selain itu, di Bilut Hill juga terdapat pelbagai pembangunan Resort di atas bukit dan di ladang durian yang berkonsepkan Resort jepun, Resort Melayu, Resort Itali dan resort berkonsepkan Glamping.














# LAWATAN KE BILUT HILL, RAUB, PAHANG

EDISI 10 / OKTOBER 2023

11 OKTOBER 2023

















# LAWATAN KE LATA JARUM, RAUB, PAHANG

EDISI 10 / OKTOBER 2023

12 OKTOBER 2023

Lembaga Pembangunan Tioman telah mendapat bajet melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) berkenaan Menaik Taraf Jejak Laluan Merentas Hutan di Pulau Tioman sebanyak RM2.7 juta. Untuk memastikan pelaksanaan projek ini berjaya dan mencapai matlamat, Lembaga Pembangunan Tioman telah mengadakan lawatan ke Lata Jarum, Raub sebagai rujukan untuk diadaptasikan di Pulau Tioman mengikut kesesuaian bagi pelaksanaannya kelak. Memandangkan Lata Jarum ini merupakan salah satu destinasi yang menarik dengan keindahan alam semulajadi dan terdapat projek yang sedang berjalan di Lata Jarum iaitu Pembangunan Ecotourism Rafflesia di Taman Eko-Rimba Lata Jarum. Projek ini mempunyai konsep jejak laluan yang dapat menjaga alam semula jadi.







Selain itu, pihak Pengurusan Lembaga Pembangunan Tioman juga turut mengadakan lawatan secara tidak rasmi ke tiga (3) kawasan pelancongan yang lain berhampiran Lata Jarum iaitu:-

1) Tanah Aina Fahad 'Nature Resort', Ulu Dong bagi melihat pembangunan mesra alam semula jadi seperti jambatan gantung dan platform di atas sungai.

2) Misteri Rumah Allahyarhamah Mona Fandey yang berlakunya peristiwa pembunuhan ngeri bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Talam pada Julai 1993. Rumah Allahyarhamah Mona Fandey ini telah menjadi tumpuan pelancong yang minat Dark Tourism. Pulau Tioman juga terdapat beberapa kawasan yang boleh dijadikan Dark Tourism seperti sebuah gua di Pulau Tioman yang berlakunya pembunuhan dan mayat mangsa telah ditemui di dalam gua tersebut.

3) Pulau Chekas yang menjadi kawasan rekreasi alam semula jadi yang telah disediakan pelbagai kemudahan awam seperti tandas, bilik persalinan, bangku rehat, gerai, jambatan gantung, tapak perkhemahan dan dataran kecil. Pengurusan kawasan rekreasi ini dijalankan oleh JPKK setempat yang boleh menjadi contoh bagi Pembangunan di Pulau Tioman.

# LAWATAN KE LATA JARUM, RAUB, PAHANG

EDISI 10 / OKTOBER 2023

12 OKTOBER 2023




















# HARI BERTEMU PELANGGAN BERSEPADU BIL.4/2023

EDISI 10 / OKTOBER 2023

17 - 19 OKTOBER 2023










Pada 17 hingga 19 Oktober 2023 telah diadakan Program Hari Bertemu Pelanggan Bersepadu 2023 anjuran Lembaga Pembangunan Tioman dan pelbagai agensi. Program ini dilaksanakan selama tiga hari bertempat di Kampung Tekek, Pulau Tioman. Dalam masa yang sama, Perkhidmatan Kaunter Bergerak (mobile) juga turut diadakan di Kampung Paya dan Kampung Mukut selama dua hari iaitu pada 18 & 19 Oktober 2023.

Program ini turut disertai oleh Pusat Kutipan Zakat Pahang, Pejabat Wakaf Negeri Pahang, Pejabat Veterinar Tekek, Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia, Pihak Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Biro Pengaduan Awam Pahang, Jabatan Akauntan Negara (JAN Pahang), Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Pahang (Unit Pembahagian Pusaka) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) Cawangan Pulau Tioman. Anggaran kehadiran pelanggan/pengunjung ke program ini adalah seramai 600-650 orang.

# HARI BERTEMU PELANGGAN BERSEPADU BIL.4/2023

EDISI 10 / OKTOBER 2023

17 - 19 OKTOBER 2023

**17 OKTOBER 2023 / SELASA**

**KG TEKEK (KOMPLEKS TERMINAL TEKEK)**














# HARI BERTEMU PELANGGAN BERSEPADU 2023

EDISI 10 / OKTOBER 2023

17-19 OKTOBER 2023

**18 OKTOBER 2023 / RABU**

**KG PAYA ( BILIK MESYUARAT, AMAN TIOMAN BEACH RESORT )**









**19 OKTOBER 2023 / KHAMIS**

**KG MUKUT ( BALAI RAYA KG MUKUT )**






# MAJLIS PENYERAHAN PROJEK MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR JETI JETI KG. SALANG

EDISI 10 / OKTOBER 2023
18 OKTOBER 2023 / RABU









Majlis Penyerahan Projek Menaiktaraf Infrastruktur Jeti-Jeti Kg. Salang telah diadakan pada 18 Oktober 2023 (Rabu) di Kg. Salang. Majlis ini telah dihadiri oleh En Fareez Azeem bin Mohd Azmi - Pengurus Pejabat Negeri Pahang ECERDC Negeri Pahang, Ir. Ts. Mohd Faiz bin Mohd Faudzi - Jurutera Daerah JKR Rompin, Puan Nazratul Azra bt Tukirin - Pegawai Pembangunan Masyarakat Lembaga Pembangunan Tioman, Nahuza Resources Sdn. Bhd - Kontraktor Utama dan En Mohd Shrif bin Rahmat – Pengerusi JPKK Kg Salang, Pulau Tioman. Projek ini telah bermula pada 1 Februari 2022 dan telah berjaya disiapkan pada 15 Ogos 2023 (siap awal 76 hari dari tarikh siap sebenar iaitu 30.10.2023) dengan menggunakan Dana RETF dari Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)

Lembaga Pembangunan Tioman ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP) JKR, Jabatan Kerja Raya Daerah Rompin dan Nahuza Resources Sdn. Bhd selaku kontraktor utama.






# KUNJUNGAN HORMAT LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN KE PAHANG SKILLS DEVELOPMENT CENTRE (PSDC)

EDISI 10 / OKTOBER 2023

27 OKTOBER 2023 / JUMAAT











Pada 27 Oktober 2023 , Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman, Dato' Idros Bin Yahya, telah berbesar hati memberi kunjungan hormat ke Pahang Skills Development Centre(PSDC) dan bertemu dengan Executive Director PSDC, Encik Mohd Yusri Bin Mohd Nor. Lembaga Pembangunan Tioman berpotensi untuk Berkerjasama dengan PSDC dalam membangunkan modal insan bagi masyarakat Pulau Tioman,

Kunjungan hormat ini dapat memberi satu pandangan baru bagi yang dapat diadaptasikan di Pulau Tioman. Pelbagai teknologi terkini di PSDC yang dapat meningkatkan promosi untuk Pulau Tioman.Contohnya sistem solar, sistem Virtual Reality (VR) serta Drone.



# BENGKEL WORKSPACE GOOGLE BERSAMA CELCOMDIGI DAN GOOGLE INC

EDISI 10 / OKTOBER 2023

27 OKTOBER 2023 / JUMAAT







Pada 27 Oktober 2023 , seramai 26 orang kakitangan Lembaga Pembangunan Tioman telah menghadiri Bengkel Workspace Google bersama CelcomDigi dan Google Inc di Makmal Komputer AutoCAD, Kampus Pahang Skills Development Centre, Taman Perindustrian Semambu, Kuantan, Pahang Darul Makmur. Bengkel ini bertujuan untuk mengajarkan cara penggunaan Google Workspace serta aplikasi yang berada di dalam Google Workspace tersebut.

Selain itu, Pihak kakitangan Lembaga Pembangunan Tioman juga telah menghadiri satu sesi bersama dengan pihak Kampus PSDC untuk pengenalan kepada kursus-kursus jangka pendek yang ditawarkan oleh PSDC kepada Penjawat awam, Syarikat serta Orang awam.













# BULETIN

EDISI 11 / NOVEMBER 2023

## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN


















# SPORT CLIMBING COURSE (SEACF) LEVEL 1 DAN 2

EDISI 11 / NOVEMBER 2023

1-3 NOVEMBER 2023




Pada 1 hingga 3 November 2023 telah diadakan Sport Climbing Course (SEACF) Level 1 dan Level 2. Kursus ini bertujuan untuk mempelbagaikan lagi produk pelancongan di Pulau Tioman di samping memberi peluang menambahkan ilmu dalam menguruskan produk pelancongan sedia ada. Selain itu, kursus ini bertujuan mendedahkan para peserta dengan aktiviti-aktiviti berasaskan hutan/daratan berbanding aktiviti laut yang sememangnya telah terkenal di Pulau Tioman. Peserta yang menyertai kursus ini adalah seramai 20 orang di mana antaranya adalah individu yang sememangnya aktif dalam menjalankan aktiviti pelancongan eko dan lasak di Pulau Tioman. Seramai empat (4) orang jurulatih dan lapan (8) orang urusetia juga turut terlibat sepanjang kursus ini berlangsung.





# SPORT CLIMBING COURSE (SEACF) LEVEL 1 DAN 2

EDISI 11 / NOVEMBER 2023

1-3 NOVEMBER 2023








# KELAHIRAN PERTAMA DI PUSAT BERSALIN KLINIK TEKEK, PULAU TIOMAN

EDISI 11 / NOVEMBER 2023

3 NOVEMBER 2023















PULAU TIOMAN : Pusat Bersalin Klinik Kesihatan Tekek, dekat sini menerima kelahiran selamat yang pertama sejak dinaiktaraf bermula Februari tahun ini pada jam 7.32 pagi, hari ini.

Pengarah Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Dr. Nor Azimi Yunus berkata, ibu berusia 35 tahun telah melalui proses bersalin anak ketiga pada usia kandungan 36 minggu 6 hari dan disambut dengan selamat oleh kakitangan bertugas yang terlatih.

"Keadaan ibu dan bayi selepas proses bersalin juga adalah stabil dan baik, Klinik Kesihatan Tekek merupakan fasiliti yang memberikan perkhidmatan penjagaan ibu mengandung dan bersalin di Pulau Tioman. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Zakaria Bin Ibrahim diringi Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman, Dato' Idros Bin Yahya sempat menziarahi ibu bayi tersebut bagi memberikan sumbangan, Disamping melihat perkembangan terkini proses naik taraf bangunan Pusat Bersalin Klinik Tekek, Pulau Tioman.

"Fasiliti ini telah dinaik taraf dengan kelengkapan peralatan perubatan yang terkini melalui kurniaan oleh Yang di-Pertuan Agong pada Februari 2022 lalu sebanyak RM 2.9 juta," katanya.

Katanya, jabatan ini merafak sembah, menjunjung kasih Ke bawah Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah atas perkenan kurniaan kepada klinik kesihatan Tekek ini.

CREDIT TO WWW.SAHIH.COM.MY

# LAWATAN TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI PERSIAPAN MUSIM BANJIR DAN PUSAT BERSALIN TEKEK, PULAU TIOMAN

EDISI 11 / NOVEMBER 2023

3 NOVEMBER 2023















Pada 3 November 2023, Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman, Dato' Idros Bin Yahya telah mengiringi Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Zakaria Bin Ibrahim bagi memantau persiapan musim banjir dan Angin monsun di Pulau Tioman serta membuat lawatan ke Pusat Bersalin Kg Tekek, Pulau Tioman yang hampir siap sepenuhnya. Bagi menghadapi angin monsun kali ini, segala persiapan keperluan asas seperti beras, gula dan lain-lain lagi telah pun disediakan.

# MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN KALI KE-20 (BIL. 2/2023)

EDISI 11 / NOVEMBER 2023

20 NOVEMBER 2023









Pada 20 November 2023 (Isnin) telah diadakan satu sesi Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Lembaga Pembangunan Tioman Kali Ke-20 (Bil.2/2023) bertempat di bilik mesyuarat PLANMalaysia Pahang. Mesyuarat ini bertujuan membincangkan projek-projek pembangunan yang dikemukakan untuk ulasan dan pertimbangan Jabatan Teknikal yang berkaitan. Mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman, Dato' Haji Idros bin Yahya ini dihadiri oleh 16 agensi dari peringkat negeri dan daerah. Mesyuarat kali ini melibatkan empat (4) pembentangan iaitu :-

i) Cadangan Penyambungan Jeti Penumpang Tunamaya Beach & Spa Resort, Pulau Tioman, Negeri Pahang Darul Makmur oleh Nextinfra Sdn. Bhd.

ii) Cadangan Projek Bekalan Air Terawat Ke Kg. Paya, Kg. Genting, Kg. Nipah, Kg. Mukut dan Kg. Juara, Pulau Tioman, Negeri Pahang oleh Nextinfra Sdn. Bhd.

iii) Kelulusan Pelan dan Spesifikasi Cadangan Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Air Pulau Tioman, Pahang Darul Makmur oleh Gagasan Consultant.

iv) Prosedur Permohonan Kebenaran Merancang (KM) Tempoh Terhad Di Bawah Perenggan 22(5)(A), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) oleh PLANMalaysia Pahang.

Mesyuarat OSC kali ini juga turut mempertimbangkan kelulusan bagi Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Pelan Infrastruktur bagi Cadangan Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan Kompleks Kuarters Tenaga Nasional Berhad (TNB) Pulau Tioman Sediada dan Lain-Lain Bangunan Yang Berkaitan, Di Atas Sebahagian Lot 5083 (PM71), Mukim Tioman, Daerah Rompin, Pahang Darul Makmur.

# LAWATAN KE PUSAT PEMASANGAN KENDERAAN ELEKTRIK DI NI HSIN SDN BHD, SERI KEMBANGAN, SELANGOR.

EDISI 11 / NOVEMBER 2023
22 NOVEMBER 2023









Pada 22 November 2023 (Rabu) Lembaga Pembangunan Tioman telah mengadakan satu lawatan kenderaan elektrik (EV) ke Ni Hsin sdn Bhd, Seri Kembangan, Selangor.Lawatan ini bertujuan untuk melihat teknologi EV yang

Penggunaan kenderaan elektrik (EV) ini dapat membantu menerajui Negara kehala tuju Pertumbuhan Hijau, Mitigasi Perubahan Alam Sekitar dan Budaya Gaya Hidup Hijau selari dengan matlamat dan usaha Kerajaan Malaysia dalam mencapai Negara Neutral Karbon menjelang 2050.

Antara pendedahan di dalam lawatan ini adalah sesi taklimat daripada pihak Ni Hsin Sdn Bhd, pendedahan produk EV dan sesi uji pandu pengendalian kenderaan elektrik (motosikal elektrik).



# LAWATAN KE PUSAT PEMASANGAN KENDERAAN ELEKTRIK DI NI HSIN SDN BHD, SERI KEMBANGAN, SELANGOR.

EDISI 11 / NOVEMBER 2023

22 NOVEMBER 2023















# LAWATAN PENDEDAHAN TEKNOLOGI PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR, PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PAHANG KE CELCOM DIGI TOWER, PETALING JAYA, SELANGOR.

EDISI 11 / NOVEMBER 2023

23 NOVEMBER 2023

Pada 23 November 2023 (Khamis), Lembaga Pembangunan Tioman bersama Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang telah menghadiri lawatan bagi pendedahan teknologi pembangunan bandar ke Celcom Digi Tower, Petaling Jaya, Selangor.

Ini bagi menyahut cabaran Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menjadikan Bandar Pintar sebagai inisiatif strategik untuk menangani cabaran utama dalam menjadikan bandar raya di Malaysia lebih produktif, berdaya saing, mampan serta sesuai didiami generasi semasa dan akan datang.

Bandar pintar juga merupakan komponen utama untuk mencapai 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dalam menjadi sebuah negara mampan menjelang 2030. Antara pengisian lawatan ini adalah sesi taklimat dari pihak Google, taklimat produk Fleet Tracking, Voip, lawatan Axiata Cybersecurity dan Recharge Center.













# PROGRAM GOTONG-ROYONG PENYELESAIAN SEMENTARA DI JAMBATAN KEBANG SUNGAI RAYA, KAMPUNG MUKUT, PULAU TIOMAN

EDISI 11 / NOVEMBER 2023
30 NOVEMBER 2023

Pada 30 November 2023, telah berjalan Program Gotong Royong Penyelesaian Sementara Di Jambatan Kebang Sungai Raya, Kampung Mukut, Pulau Tioman. Program Gotong Royong ini telah melibatkan Unit Tindakan Khas Lembaga Pembangunan Tioman (UTK TDA), Bomba, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Alam Flora serta Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK ) Kg Mukut. Antara penyelesaian sementara yang dibuat ialah membaiki Jambatan Kebang Sungai Raya serta membuat laluan air bagi memastikan air akan terus turun ke laut. Program ini dijalankan bagi persiapan menghadapi musim tengkujuh. Terima kasih buat semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memastikan kesejahteraan penduduk Pulau Tioman.











# PROGRAM GOTONG-ROYONG PENYELESAIAN SEMENTARA DI JAMBATAN KEBANG SUNGAI RAYA, KAMPUNG MUKUT, PULAU TIOMAN

EDISI 11 / NOVEMBER 2023

30 NOVEMBER 2023















# BULETIN

EDISI 12 / DISEMBER 2023

**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**

## MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH
## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
## KALI KE EMPAT PULUH LAPAN (BIL. 4/2023







# LAPORAN KEJADIAN POKOK TUMBANG DI JALAN TEKEK - JUARA

EDISI 12 / DISEMBER 2023

7 DISEMBER 2023/KHAMIS

Pada 7 Disember 2023, jam 1.00 petang, En. Mahadi bin Mah Hassan (Pembantu Penguatkuasa TDA) menerima panggilan telefon aduan dari penduduk kampung berkenaan pokok tumbang di Jalan Tekek - Juara. Terdapat satu (1) buah kenderaan pacuan empat (4) roda terkandas.

Bertindak atas aduan tersebut, pada jam 1.15 petang, Unit Tindakan Khas (UTK) Lembaga Pembangunan Tioman telah berkumpul di Pejabat Lembaga Pembangunan Tioman dan menyediakan peralatan keperluan untuk melaksanakan kerja. Seramai 11 orang anggota Unit Tindakan Khas Lembaga Pembangunan Tioman telah datang ke lokasi dengan menaiki dua (2) buah kenderaan pacuan empat (4) roda dan melaksanakan kerja-kerja memotong pokok yang menghalang laluan serta membersihkan kawasan sekitar lokasi. Kerja-kerja dilaksanakan menggunakan dua (2) buah chainsaw serta parang. Terdapat tiga (3) batang pokok telah tumbang sepanjang Jalan Tekek - Juara.

Kerja-kerja pembersihan telah dijalankan bermula jam 1.55 petang sehingga jam 3.00 petang. Laluan telah dapat digunakan seperti sediakala.










# LAPORAN KEJADIAN POKOK TUMBANG DI JALAN TEKEK - JUARA

EDISI 12 / DISEMBER 2023

14 DISEMBER 2023/KHAMIS

Pada 14 Disember 2023, jam 7.30 pagi, Puan Nazratul Azra binti Tukirin, Pegawai Pembangunan Masyarakat TDA menerima panggilan telefon aduan daripada penduduk kampung berkenaan pokok tumbang di Jalan Tekek - Juara menutupi separuh jalan.

Bertindak atas maklumat tersebut, pada jam 8.00 pagi, Unit Tindakan Khas (UTK) Lembaga Pembangunan Tioman telah berkumpul di Pejabat Lembaga Pembangunan Tioman dan menyediakan peralatan keperluan untuk melaksanakan kerja. Pada jam 8.40 pagi, seramai 12 orang anggota Unit Tindakan Khas Lembaga Pembangunan Tioman telah bertolak ke lokasi dengan menaiki dua (2) buah kenderaan pacuan empat (4) roda dan melaksanakan kerja-kerja memotong pokok yang menghalang laluan serta membersihkan kawasan sekitar lokasi. Kerja-kerja dilaksanakan menggunakan dua (2) buah chainsaw serta parang. Terdapat satu (1) batang pokok telah tumbang sepanjang Jalan Tekek - Juara.

Kerja-kerja pembersihan telah dijalankan bermula jam 9.00 pagi sehingga 9.30 pagi. Laluan telah dapat digunakan seperti sediakala.











# MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN KALI KE EMPAT PULUH LAPAN (BIL. 4/2023

EDISI 12 / DISEMBER 2023

18 DISEMBER 2023/ISNIN

Pada 18 Disember 2023, jam 10.30 pagi, telah diadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Tioman Kali Ke Empat Puluh Lapan (Bil. 4/2023) di Corus Hotel Kuala Lumpur.

Pelaksanaan Mesyuarat Lembaga Pengarah kali ini sebagai penutup tahun 2023 dan Lembaga telah mencapai KPI pelaksanaan Mesyuarat sebanyak empat (4) kali setahun berdasarkan Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman 1997 (Pindaan) 2020 (Enakmen No. A80).













# LAPORAN KEJADIAN POKOK TUMBANG DI JALAN TEKEK - JUARA

EDISI 12 / DISEMBER 2023
19 DISEMBER 2023/ SELASA

Pada 19 Disember 2023, jam 7.30 pagi, Encik Mahadi bin Mah Hassan (Pembantu Penguatkuasa TDA) menerima panggilan telefon aduan daripada penduduk kampung Juara berkenaan pokok tumbang di Jalan Tekek - Juara menghalang lalu lintas serta terdapat empat (4) buah pacuan empat (4) roda dan tiga (3) buah motosikal terkandas.

Bertindak atas maklumat tersebut, pada jam 8.00 pagi, Unit Tindakan Khas (UTK) Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) telah berkumpul di Pejabat TDA dan menyediakan peralatan keperluan untuk melaksanakan kerja. Pada jam 8.30 pagi, seramai 13 orang anggota UTK TDA telah bertolak ke lokasi dengan menaiki dua (2) buah kenderaan pacuan empat (4) roda dan melaksanakan kerja-kerja memotong pokok yang menghalang laluan serta membersihkan kawasan sekitar lokasi. Kerja-kerja dilaksanakan menggunakan dua (2) buah chainsaw, satu (1) buah blower dan parang. Terdapat satu (1) batang pokok telah tumbang sepanjang Jalan Tekek - Juara.

Kerja-kerja pembersihan telah dijalankan bermula jam 9.00 pagi sehingga 9.30 pagi. Laluan telah dapat digunakan seperti sediakala.











# TIOMAN SURFESTIVAL 2023: MONSOON PLAYGROUND

EDISI 12 / DISEMBER 2023

21 DISEMBER 2023/KHAMIS

Pada 21 hingga 25 Disember 2023, satu acara pertandingan luncur ombak iaitu Tioman Surf Competition 2023 telah diadakan di Kampung Juara, Pulau Tioman.

Sebelum ini, acara ini pada asalnya diadakan setiap bulan Januari namun telah mendapat kelulusan dari Persatuan Luncur Ombak Malaysia untuk ditukar penganjuran kepada bulan Disember memandangkan keadaan ombak yang lebih baik pada waktu ini.

Tujuan utama acara ini dianjurkan adalah untuk menarik kehadiran pelancong pada musim tengkujuh dan seterusnya menjadikan Pulau Tioman sebagai destinasi pelancongan yang boleh dikunjungi sepanjang tahun.

Pertandingan ini terbahagi kepada enam (6) kategori iaitu Men's Shortboard Open, Men's Longboard Open, Men's Bodyboard Open, Women Shortboard Open, Grommet Open dan Master Open.




## GAMBAR-GAMBAR SEKITAR PERSIAPAN DI TAPAK ACARA.















# TIOMAN SURFESTIVAL 2023: MONSOON PLAYGROUND

EDISI 12 / DISEMBER 2023

22 DISEMBER 2023/JUMAAT

















# TIOMAN SURFESTIVAL 2023: MONSOON PLAYGROUND

EDISI 12 / DISEMBER 2023

23 DISEMBER 2023/SABTU

## GAMBAR-GAMBAR SEKITAR ACARA YANG SEDANG BERLANGSUNG














# TIOMAN SURFESTIVAL 2023: MONSOON PLAYGROUND

EDISI 12 / DISEMBER 2023

24 DISEMBER 2023/AHAD

## GAMBAR-GAMBAR SEKITAR PENUTUPAN ACARA



















